

**BES**  
**sumbang**  
**al-Quran**  
**braille** MS5



**Jelajah**  
**Bersih**  
**SPU**  
**MS20**



**Sistem**  
**letak kereta**  
**baharu**  
**MS 24**



# buletin Mutiara

**PERCUMA**



16 – 31, OKTOBER 2013

[f http://www.facebook.com/buletinmutiara](http://www.facebook.com/buletinmutiara)  
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

## Sekolah Islam Antarabangsa lonjak dakwah Islamiah negeri

Oleh : **ZAINUL FAQAR  
YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) akan bekerjasama dengan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (Tunas Muda) bagi merancang pembinaan Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang di atas sebidang tanah berkeluasan 4.863 ekar dekat Sungai Ara, Bayan Lepas.

Tapak projek yang dicadangkan itu di Jalan Persiaran Relau berhampiran Sekolah Kebangsaan Relau, Sungai Ara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng membuat pengumuman sedemikian selepas menyaksikan Pengerusi Pemaju *Ideal Property Group*, Datuk Alex Ooi menyerahkan geran tanah kepada Kerajaan Negeri, melalui Pengerusi YIPP, Datuk Mansor Othman.

"Projek ini dijangka bermula pada tahun hadapan dengan kos pembinaan sebanyak RM6 juta yang akan ditanggung oleh pihak Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad.

"Sama ada, ada perubahan (mengenai status pihak yang menanggung kos pembinaan), saya serah kepada Datuk Mansor dan Datuk Abdul Malik lah," ujar Guan Eng di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim

(Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Yap Soo Huey (ADUN Pulau Tikus) turut hadir pada sidang media tersebut.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, perancangan terbaru itu sekaligus membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam memartabatkan syiar Islam di negeri ini.

"Projek ini juga nanti akan dapat mempromosi Pulau Pinang sebagai hub pendidikan di rantau ini memandangkan inilah satu-satunya sekolah Islam bertaraf antarabangsa di kawasan Utara (Semenanjung) Malaysia," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Sementara itu, Mansor berkata, YIPP masih dalam proses menyusun modul akademik bagi Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang dengan mengkaji beberapa modul pendidikan dari negara Singapura, Thailand (Patani) dan terbaru, dari Pakistan.

"Di bawah bahagian pendidikan dan dakwah (YIPP), tanah ini kita diperoleh hasil usaha Kerajaan Negeri juga untuk kita membangunkan kompleks ini (Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang).

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Alex



LAKARAN grafik Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang yang bakal dibina di sini.



kerana bekerjasama dengan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad untuk membangunkan sekolah ini.

"Selepas itu, perjalanan (akademik) sekolah ini akan kita (YIPP tetapkan) di bawah pengawasan Kerajaan Negeri," ujar Mansor yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal.

Nada yang sama turut diperjelaskan oleh Abdul Malik.

"Ini merupakan antara sebahagian usaha kita (Kerajaan Negeri) untuk pendidikan Islam di Pulau Pinang, dari peringkat tadika (pra-sekolah) sehingga peringkat universiti," ujar Abdul

Malik yang juga ADUN Batu Maung.

Manakala, Mohd. Rashid pula berkata, projek terbaru itu diharap dapat melonjak perkembangan dakwah Islamiah di negeri ini.

"Saya harap, ini menjadi satu lagi langkah kemajuan untuk perkembangan dakwah Islam di Pulau Pinang," ujar Mohd. Rashid yang juga ADUN Pantai Jerejak.

Idea penubuhan Sekolah Islam Antarabangsa Pulau Pinang sebenarnya dicetuskan oleh Mansor sendiri semasa masih menjadi Timbalan Ketua Menteri I, pada penggal pentadbiran Kerajaan Negeri lepas.

# Air Itam terbanyak, 2,268 terima sumbangan Pelajar Emas

Oleh: WATAWA NATAF  
ZULKIFLI

**AIR ITAM** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, kawasannya sekali lagi direkodkan sebagai penerima skim pelajar emas terbanyak di negeri ini bagi sesi pertama pemberian tahun 2013, iaitu sebanyak 2,268 orang.

"Bagi rekod, ini merupakan kali kedua Air Itam muncul pelajar sekolah terbanyak bagi kawasan-kawasan seluruh negeri Pulau Pinang ini, mungkin disebabkan ianya mengandungi 15 buah sekolah di kawasan ini, termasuk satu milik persendirian," ujar Hon Wai di sini baru-baru ini.

Menurut Hon Wai, proses pemberian sumbangan emas kepada pelajar-pelajar berkenaan pada kali ini mendapat sambutan hangat, berdasarkan maklum balas Pegawai Bank berwajib.

"Saya turut difahamkan oleh Pegawai Bank bertugas, program ini mendapat sambutan hangat di mana sejak (bank) dibuka kepada ibu bapa pada 10.00 pagi untuk mengambil skim ini, lebih dari 100 orang sudah datang ke sini,"

tambah beliau lagi.

Justeru, Hon Wai menasihatkan semua waris pelajar yang masih belum mengambil sumbangan tersebut supaya segera membuat tuntutan masing-masing dalam masa 11 hari yang ditetapkan, iaitu dari 21 Oktober sehingga 1 November depan.

Sementara itu, Zarinah Noordin, 40, ibu kepada Ahmad Ali Nasser, 7, melahirkan rasa syukur atas sumbangan emas yang diterima.

"Saya amat berterima kasih kerana dapat sumbangan yang sebegini, namun, saya akan menyimpan terlebih dahulu duit ini dan akan menggunakan untuk sesi persekolahan yang akan datang kelak," ujar beliau..

Nada yang sama turut diluahkan oleh Aziman Singah, 35, iaitu waris kepada Johannes Michelin, 7.

"Dia merupakan anak sulong saya dan bantuan ini sudah tentulah akan digunakan untuk membantu persekolahan Johannes seperti pakaian dan keperluan-keperluan lain yang difikirkan perlu atau sekurang-kurangnya menambah bajet yang kurang untuk sesi persekolahan tahun depan," jelas mekanik kepada tiga cahaya mata itu.



JOHANNES Michelin (tiga dari kiri) menunjukkan RM100 yang diperoleh beliau sambil ditemani Wong Hon Wai (dua dari kiri) dan Aziman Singah (kanan sekali) serta seorang pemimpin setempat (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

Bagi Azmi Jaafar, 43, beliau merakamkan penghargaan atas pemberian kedua kepada anaknya, selepas seorang lagi anaknya yang berada di tingkatan empat turut menerima skim serupa pada tahun lepas.

"Saya mungkin akan menyimpan sedikit wang ini ke dalam akaun anak saya Mohd Nor Farhan, 10 tahun bagi

kegunaannya di masa depan, manakala, bakinya saya akan gunakan bagi membeli pakaian sekolah dia apabila semester baru yang akan bermula tahun hadapan," ujar ayah kepada pelajar yang belajar di Sekolah Kebangsaan Seri Aman, Paya Terubong itu baru-baru ini.

Terdahulu, Kerajaan Negeri memperkenalkan skim Pelajar

Emas dengan memberi RM100 tiap-tiap tahun kepada pelajar Darjah Satu dan Empat, serta Tingkatan Satu dan Empat kepada waris yang memohon sumbangan tersebut sahaja.

Permohonan boleh dibuat di Pusat Khidmat ADUN, Pusat Khidmat Penyelaras KADUN, Pejabat Daerah atau di Komtar (Tingkat 45).



**Rumah Terbuka  
Deepavali Peringkat Negeri  
Pulau Pinang**

**பினாங்கு மாநில தீபாவளி திறந்த இல்ல உபசரிப்பு 2013**



**6 Nov. 2013 (Rabu)  
2:30 petang - 5:00 petang  
Dewan Serbaguna Sungai Bakap,  
Seberang Perai Selatan**

**Bawa Bekas Makanan Sendiri & Tebus 1000 "Insentif BYOC" Pertama**

**SEMUA DIJEMPUT HADIR BAGI MEMERIAHKAN MAJLIS**



Projek BYOC oleh Penang Green Council

# Korban Perdana Kampung Melayu meriah bermakna

Oleh : **AHMAD ARAFAT ESAH**

**AIR ITAM** - Program Ibadah Qurban Perdana anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu bersama syarikat jualan produk kesihatan, ZZ Auralife Sdn. Bhd. (AuraLife) berlangsung meriah dengan melibatkan seluruh komuniti di kawasan berkenaan.

Program dua hari tersebut turut dihadiri Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Berkonsepkan “Penyatuan Ummah”, majlis tersebut terbukti mampu menarik lebih banyak penyertaan membabitkan kepelbagaiannya kaum.

Pengerusi Keselamatan JKKK Kampung Melayu, Mohamed Farook Ismail berkata, sebanyak 17 ekor lembu disembelih sempena sambutan berkenaan.

“Acara sembelihan bermula pada pukul 7 pagi di Tapak Korban, Taman Suria bersebelahan Flat Kampung Melayu.

“Daging korban (lima ekor) diagihkan

kepada golongan asnaf sekitar Air Itam, dan selebihnya (12 ekor) dimasak sebagai juadah makan malam,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Selain menyembelih binatang korban, turut diadakan adalah pameran dari beberapa agensi kerajaan dan korporat terpilih, kempen derma darah dan peraduan mewarna serta pertandingan permainan tradisional bagi kanak-kanak.

Pada sebelah malam, para hadirin disajikan dengan program kerohanian, Forum Perdana Ehwal Islam yang turut diserikan dengan kehadiran tiga ikon terkenal iaitu pakar motivasi, Datuk Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah, Ustaz Haslin Bollywood dan Ustaz Akhil Hayy.

Turut menyerikan majlis adalah kehadiran personaliti-personaliti popular antaranya, kumpulan nasyid Rabbani, adik Amirul Munir dan banyak lagi.

Dalam pada itu, menurut ketua jurumasak, Rogmah Majid, sebanyak lima syarikat katering bertanggungjawab menyediakan juadah makan malam kepada hampir 10,000 pengunjung.

“Majlis merewang telah berlangsung sehari sebelum ini dan kerja-kerja menyediakan menu masakan bermula



**ZAIRIL Khir Johari** (berbaju Melayu putih) bersama-sama sebahagian pengunjung beratur bagi mendapatkan juadah pada Program Ibadah Korban Perdana di sini baru-baru ini.

sewal 10 pagi,” jelasnya sambil menyatakan bahawa antara juadah makan malam yang disediakan adalah, kurma daging, sup tulang, daging goreng, gulai daging, nasi minyak, ayam masak merah dan sayur campur.

Sehubungan itu, Ketua Pegawai Eksekutif AuraLife, Zalina Mohamed

Ismail memberitahu bahawa majlis korban perdana kali kedua anjuran pihaknya selepas Sungai Gelugor di sini pada tahun lalu adalah bertujuan berkongsi keuntungan syarikat bersama masyarakat selain dapat bersama bergembira menyambut Hari Raya Aidiladha bersama lebih 300 golongan asnaf,” ujar Zalina.



KERJA-kerja melapah daging korban dekat Masjid An-Nur, Titi Teras, Pulau Betong baru-baru ini dijalankan secara gotong-royong.



**AHLI Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman** (bersongkok) turun padang menyertai ahli Qaryah Masjid Kampung Changkat, Jawi menyediakan juadah sempena sambutan Hari Raya Qurban 1434H/2013 baru-baru ini.



**TIMBALAN** Ketua Menteri I yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) turut bergotong-royong melapah daging korban sempena sambutan Hari Raya Qurban baru-baru ini.▶

◀ NASI bertalam antara juadah istimewa sempena sambutan Hari Raya Qurban di Permatang Keriang, Penaga baru-baru ini.



# KM rasmi Gurney Paragon, hargai Hunza

Oleh: MARK JAMES

**PULAU TIKUS** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan kepada Hunza Properties Berhad (*Hunza*) kerana syarikat hartanah itu masih meneruskan aktiviti pelaburan di negeri ini sungguhpun Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 telahpun berpindah tangan daripada Barisan Nasional.

Beliau berkata demikian semasa menyempurna majlis perasmian pembukaan *Gurney Paragon Mall* di sini baru-baru ini.

“Pihak Kerajaan Negeri berasa bangga (kerana) *Hunza* (sebagai) sebuah entiti tempatan mempunyai keyakinan penuh terhadap negeri Pulau Pinang.

“Walaupun pada (tahun) 2008, negeri kita bertukar pimpinan Kerajaan Negeri (kepada Pakatan Rakyat), *Hunza* masih meneruskan

pelaburan (berskala) besar dalam (*Gurney*) *Paragon Mall*, St. Jo’s dan menara pejabat Hunza yang berjumlah kira-kira RM500 juta,” ujar Guan Eng di depan kira-kira 600 tertamu jemputan.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) antara pemimpin negeri yang hadir pada majlis perasmian pembukaan tersebut.

Difahamkan, *Gurney Paragon Mall* dimajukan di atas tanah berkeluasan 700,000 kaki persegi, manakala, St. Jo’s pula merupakan bangunan bersejarah yang berusia



KETUA Menteri menyempurna majlis pelepasan belon ke udara pada majlis perasmian pembukaan *Gurney Paragon Mall* di sini baru-baru ini.

kira-kira seabad, yang telahpun dipulihara semula oleh *Hunza*.

Kini, St. Jo’s mendapat pengiktirafan *Gold Award of Special Merit 2013* daripada *Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)*, juga dikenali antara pusat beli-belah mewah di negeri ini.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut mengalaukan cadangan China untuk membuka pejabat konsulat mereka di negeri ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air

Putih berkata, langkah itu dijangka akan menggalakkan lagi pelancong dari China ke negeri ini, yang kini dianggap mempunyai banyak pusat beli-belah terkenal.

Sebelum itu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan *Hunza*, Datuk Khor Teng Tong melahirkan hasrat untuk memajukan 40 ekar tanah dekat Bayan Baru bagi tujuan pembangunan hospitaliti dan penjagaan kesihatan.

Beliau berkata, hasrat itu diluahkan kerana pihaknya berkongsi cita-cita dengan

Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar pintar bertaraf antarabangsa.

Justeru, katanya lagi, *Hunza* yakin mampu memajukan tanah berkomersial tinggi itu berdasarkan pengalaman memajukan *Gurney Paragon Mall*, sebelum ini.

*Hunza* dikenali antara pelabur serta syarikat hartanah paling berjaya di negara ini, dengan ekuati bersih berjumlah RM60 juta pada tahun 2000 dan meningkat RM700 juta sekarang.

## Laporan salah akhbar jejas jualan roti benggali

Oleh: A INUL WARDAH SOHILLI

**GEORGE TOWN** – Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyuarakan rasa kesal terhadap laporan salah sebuah akhbar tabloid berbahasa Malaysia bertarikh 10 Oktober lalu bertajuk, ‘Kilang roti di Pulau Pinang suruh pekerja uli tepung guna kaki diarah tutup’ di sini.

Exco terbabit, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menyatakan bahawa tindakan tersebut bukan sahaja tidak berlandaskan fakta, malah tidak beretika.

“Sememangnya ada kilang roti yang diarahkan tutup, tetapi bukan kilang roti benggali di Bayan Baru seperti yang dinyatakan dalam laporan akhbar tersebut, kerana tiada kilang roti benggali di Bayan Baru.

“Kilang roti yang diarahkan tutup tersebut terletak di Balik Pulau dan ia ditutup bukan kerana isu menguli tepung menggunakan kaki tetapi ketidakpatuhan kilang tersebut terhadap aspek kebersihan,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan dan Bahagian Kesihatan Awam) dengan kerjasama Unit Inspektorat dan Perundangan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini telah melancarkan ‘Ops Food



ABDUL MALIK ABUL KASSIM menunjukkan keratan akhbar bertarikh 10 Oktober 2013 yang memberi kesan kepada penjualan roti benggali tempatan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Court’ pada 8 Oktober lalu.

Tumpuan pemeriksaan adalah terhadap premis-premis makanan dan kilang pembuatan makanan yang tidak mematuhi elemen-elemen kebersihan seperti kehadiran makhluk perosak, peralatan tidak bersih, amalan pengendalian makanan yang tidak bersih dan tidak menghadiri Latihan Pengendalian Makanan, telah diarahkan tutup mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

Dalam operasi berkenaan, sebuah kilang roti di Daerah Barat Daya iaitu di Balik Pulau telah dikompaun sebanyak RM4,600 dan diarahkan tutup sehingga kerja-kerja pembersihan dan pemeriksaan semula dijalankan.

Malah, menurut laporan dikeluarkan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Ku Nafishah Ku Ariffin, sejumlah 115 premis diperiksa dan 12 premis daripadanya diarahkan tutup.

Kata Abdul Malik, laporan tidak tepat akhbar berkenaan telah menimbulkan keresahan dan salah sangka pengguna.

“Ia tidak adil kepada pengilang dan penjual roti benggali di Pulau Pinang yang ternyata terjejas jualannya sehingga 50 peratus dek kerana laporan yang tidak tepat itu,” jelasnya yang turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri memandang serius pelbagai perihal termasuk perihal kebersihan khususnya di premis-premis makanan dan kilang-kilang pembuatan makanan di Pulau Pinang.

Jelasnya sebagai memetik kenyataan Presiden Persatuan Penjual-penjual Roti Pulau Pinang, L. Manogaran, semua kilang pembuatan roti benggali di Pulau Pinang telah lama menggunakan mesin uli yang moden, tidak ada yang menguli roti menggunakan kaki.

Dalam pada itu, tegas Abdul Malik, beberapa aspek utama perlu diambil perhatian oleh premis-premis makanan antaranya pembuangan sampah, kebersihan peralatan dapur, Latihan Pengendalian Makanan dan suntikan TY2 kepada pengendali makanan, penyimpanan bahan mentah dan amalan penyediaan makanan yang bersih dan selamat.

“Pada masa sama, pengguna adalah diingatkan supaya sentiasa menilai tahap kebersihan sesebuah premis makanan sebelum menikmati hidangan bagi mengelakkan sebarang penyakit termasuk keracunan,” tegas beliau.

Pengguna boleh menghubungi Talian Aduan untuk sebarang aduan berkaitan premis makanan di talian 04-201 7277, 04-201 7278, 04-201 7235 atau 04-201 7228.

DAERAH	PREMIS YANG DIPERIKSA (UNIT)	PREMIS YANG DITUTUP (UNIT)	KOMPAUN PIHAK BERKUASA TEMPATAN	AMARAN / NOTIS KPDKKK
Seberang Perai Utara	21	0	2	0
Seberang Perai Tengah	27	1	8	2
Seberang Perai Selatan	23	1	3	0
Timur Laut	19	5	14	0
Barat Daya	25	5	28	1
JUMLAH	115	12	55	3

JADUAL: Jumlah premis yang diperiksa, premis yang ditutup, kompaun dan notis amaran dalam ‘Ops Food Court’, 8 Oktober 2013. (Ihsan: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Pulau Pinang).

# Bantuan tadika Tamil diteruskan

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri baru-baru ini meneruskan program sumbangan bantuan kewangan sebanyak RM100,000 kepada 22 tadika sekolah Tamil di negeri ini.

Majlis penyampaian disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Kompleks Pejabat Lembaga Wakaf Hindu tersebut bertujuan meringankan beban perbelanjaan yang perlu ditanggung pihak sekolah dan ibu bapa.

Berucap pada majlis tersebut, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menghulurkan peruntukan sebanyak RM100,000 setiap tahun kepada tadika-tadika sekolah Tamil sebagai bantuan khas dengan dua kali pembayaran.

"Kerajaan Negeri sedar bahawa bantuan ini tidak mencukupi tetapi sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan bebanan

yang ditanggung pihak PIBG dalam pengurusan tadika.

"Saya berharap dengan bantuan ini, yuran tadika dapat dikurangkan dan kanak-kanak dari keluarga kurang berkemampuan dapat menikmati pendidikan awal," katanya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera), A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam), Dr. T. Jayabalan (ADUN Batu Uban) dan Dato' Dr. K. Anbalakan (Jawatankuasa Khas Sekolah-sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang).

Tambah Guan Eng, dengan sumbangan kewangan tersebut, Kerajaan Negeri percaya ia dapat membantu memajukan tahap pendidikan di Pulau Pinang.

"Saya berharap peruntukan ini dapat diuruskan dengan cermat demi membantu memajukan pendidikan di tadika-tadika sekolah Tamil negeri ini," ujarnya.



KETUA Menteri (tiga dari kiri) berjabat tangan dengan salah seorang wakil penerima sumbangan bantuan tadika sekolah Tamil di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ramasamy berkata, bantuan tersebut menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf pendidikan tadika-tadika sekolah Tamil di negeri ini.

"Tadika-tadika sekolah Tamil merupakan pendidikan awal yang penting bagi membentuk

minda kanak-kanak generasi kini.

"Oleh itu, bantuan ini merupakan sesuatu yang bermakna bagi membangunkan pendidikan Tamil di sini," katanya.

Sejak tahun 2009, Kerajaan Negeri telah mulai memperuntukkan bantuan tahunan khas kepada sekolah-

sekolah Cina, Tamil, Mualigh dan Agama Rakyat, manakala peruntukan bagi tadika Tamil hanya bermula sejak tahun lepas.

Pemberian peruntukan berkenaan merupakan kali kedua diadakan dengan bayaran pertama sebanyak RM50,000 diberikan kepada 22 buah tadika-tadika Tamil pada 21 Mac lepas.

## Kolaberasi lahir bakat muda baru

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

ANTARA peserta yang menyertai Persidangan Pelajar Antarabangsa anjuran Kolej KDU Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Perkara tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa menyampaikan ucaptama pada Persidangan Pelajar Antarabangsa anjuran Kolej KDU Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, penggabungan tersebut sangat penting kerana Pulau Pinang juga tidak boleh bergantung kepada pembangunan satu sektor sahaja contohnya.

"Selain sektor pembuatan, kita juga harus melihat sektor perkhidmatan sebagai alternatif.

"Malah, dalam sektor perkhidmatan, ianya bukan semata-mata hanya dalam lingkungan pelancongan, perubatan dan pendidikan bahkan turut membabitkan kewangan, perakaunan serta pemprosesan data," ujarnya.

Turut hadir sebagai speaker, penulis, aktivis hak asasi wanita serta HIV/AIDS dan penerbit televisyen, Datin Paduka Marina Mahathir.

Malah, buat julung kali, KDU turut menjemput pelajar-pelajarnya yang berpengalaman di luar negara seperti Britain,

China, Hong Kong, Singapura, Thailand, Indonesia Jepun, Vietnam dan Nigeria bagi menyertai persidangan yang diadakan sebagai platform menyuarakan cita-cita serta hasrat, mencipta peluang komunikasi antarabangsa, berkongsi idea dan perspektif sebagai sumbangan masa depan dunia sejagat.

Guan Eng dalam pada itu amat berbangga dengan Pulau Pinang kerana walaupun ianya antara negeri yang kecil dalam negara, tetapi mempunyai dua universiti, sekolah antarabangsa berwibawa (8), pusat pengajian tinggi swasta (30) yang aktif membangunkan modal insan saban tahun.

"Saya juga mengiktiraf KDU Penang (Pulau Pinang) yang menganjurkan persidangan ini demi menaikkan imej negeri sebagai hab pendidikan premier di Malaysia," tegasnya.

## BES sumbang al-Quran braille

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN** - Persatuan Braille Malaysia (BES) melalui Persatuan Pembangunan Orang Buta Pulau Pinang mengambil inisiatif mengedarkan 40 naskah al-Quran braille beberapa sekolah dan individu terpilih di sini baru-baru ini.

Pengerusi BES, Datuk Mah Hassan Omar berkata, misi bantuan tersebut adalah untuk membolehkan golongan cacat penglihatan mampu membaca al-Quran dan sekali gus menghafal serta mendalami ilmu yang terkandung dalam kitab suci berkenaan.

"Pihak kami berhasrat dapat membekalkan senaskah al-Quran kepada setiap orang buta muslim di negara ini agar mereka mampu membaca al-Quran seperti individu normal lain."

"Malah, kami juga menyeru orang ramai supaya membantu BES mengakses ilmu serta memperkasakan pengetahuan golongan cacat penglihatan demi kelangsungan hidup mereka di masa akan datang," ujarnya pada Majlis Penyerahan al-Quran Braille dekat sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, masing-masing tiga buah sekolah rendah dan menengah menerima sumbangan berkenaan. Turut menerima adalah tiga individu terpilih di sini.

Dalam pada itu, wakil Sekolah



MAH Hassan Omar (kanan sekali) menunjukkan naskah al-Quran braille sambil ditemani Rosidi Hussain (dua dari kanan) dan Fauzi Osman (lima dari kanan) pada Majlis Penyerahan al-Quran Braille dekat sini baru-baru ini.

Kebangsaan Pendidikan Khas Alma (Penglihatan), Fauzi Osman yang menerima 30 naskah al-Quran braille berkata, sumbangan terbabit akan diedarkan dan dimanfaatkan para pelajar sepenuhnya.

"Bantuan seperti ini dapat memenuhi impian pelajar-pelajarnya untuk memiliki senaskah al-Quran peribadi di rumah bagi bacaan mereka."

"Justeru, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada BES atas usaha murninya", jelas Fauzi.

Turut hadir, Pengerusi Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia Pulau Pinang (PPOBM) Nordin Hanafiah, Pengerusi Blind Education Services, Swaran Singh, Penolong Kanan Sekolah Menengah St. George, Datin Norazizah Haron dan Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Rosidi Hussain.

# KN komited turun kadar kemalangan maut

Oleh : AHMAD ARAFAT ESAH

**GEORGE TOWN** - Laporan 401 kes kemalangan maut yang dicatatkan pada tahun 2012 di sini amat membimbangkan Kerajaan Negeri.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada Program keselamatan Jalan Raya Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ekoran itu, katanya, Kerajaan Negeri menyasarkan penurunan kadar kes kemalangan dan jumlah kematian pada tahun ini atas usaha bersama semua pihak bertanggungjawab termasuk Kerajaan Negeri, Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) dan Jabatan

Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan semua pengguna jalan raya.

Jelas Kon Yeow, menurut Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), adalah dianggarkan negara kerugian RM1.2 juta bagi setiap nyawa yang melayang akibat nahas jalanraya.

"Ini merupakan satu angka yang besar dan sangat merugikan negeri dan juga negara kita."

"Betapa bernilainya nyawa kita jika hendak dibandingkan dengan wang ringgit," tegasnya di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, golongan sering terlibat dalam kemalangan adalah remaja yang menunggang motosikal berusia antara 16 hingga 20 tahun.



CHOW Kon Yeow (tengah) menunjukkan poster salah satu program pertandingan Program Keselamatan Jalan Raya Peringkat Negeri Pulau Pinang yang dijalankan di sini baru-baru ini.

"Setiap tahun, golongan umur ini akan mendominasi carta teratas kadar kematian disebabkan kemalangan jalanraya."

"Penekanan akan diberikan kepada

golongan ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menurunkan kadar kematian yang terlibat dalam kemalangan jalanraya terutama penunggang motosikal," ujar beliau.

## 500 terima sumbangan sempena Deepavali



KETUA Menteri menyerahkan hamper sumbangan kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan A. Tanasekharan di sini baru-baru ini.

Oleh : AHMAD ADIL MUHAMAD

**BERKEBAJIKAN...** Seramai 500 orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan fakir miskin daripada pelbagai kaum menerima hamper makanan keperluan harian, dua kampit beras serta sumbangan tunai daripada Jawatankuasa Perkhidmatan Datuk Seri R. Arunasalam dengan kerjasama Pejabat Kebajikan Masyarakat Butterworth sempena menyambut perayaan Hari Deepavali.

Ketua Menteri, YAB Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri senantiasa menyokong program kebajikan tahunan anjuran oleh jawatankuasa tersebut, yang diadakan untuk kali ke-34 sejak tahun 1979 di Dewan

Datuk Abdullah Ahmad Badawi di sini baru-baru ini.

"Usaha murni yang dijalankan ini berjaya menarik perhatian Kerajaan Negeri untuk sama-sama menyelami dan membantu nasib mereka yang terpinggir," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar) dan A. Tanasekharan (ADUN Bagan Dalam) turut menyertai majlis tersebut.

Perkembangan terbaru itu sekaligus membayangkan keharmonian kaum dan agama subur di negeri berkeraaan.

## Tiada lagi 'sungai P. Ramlee'

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

**DATOK KERAMAT** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo menyokong penuh rancangan tebatan banjir fasa dua dilengkapkan sepenuhnya di sekitar Datok keramat bagi memulihkan kawasan ini dari dilanda banjir berterusan.

Beliau memaklumkan hal ini pada satu sidang media di Majlis Sumbangan dan Makan Tengah Hari Sempena Hari Deepavali yang sudah hampir, bersama komuniti *Dhoby Ghaut* berhampiran Jalan York baru-baru ini.

"Hujan baru-baru ini direkodkan sebanyak 210 milimeter di mana jika sebelum tahun 2010 akan mengakibatkan banjir pada paras dada, namun pada kali ini ianya berjaya dikurangkan hingga kepada paras lutut sahaja."

"Oleh itu saya akan menyokong Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow untuk menyiapkan fasa dua supaya banjir dapat dikurangkan seterusnya siap hingga fasa empat," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, fasa dua sepatutnya disiapkan ketika era 'kerajaan' dahulu lagi namun mereka gagal mungkin disebabkan takut untuk memindahkan penduduk kerana itu dianggap isu sensitif.

"Sebenarnya kita tidak perlu bimbang, kerana kita bukan hendak mendirikan projek mewah atau sebagainya tetapi kita ingin melaksanakan projek awam tebatan banjir yang akan menyenangkan semua orang," jelas beliau lagi.

Beliau yang juga merangkap Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, melahirkan rasa terharu apabila pada malam hujan yang lebat luar biasa, beliau menerima beberapa khidmat pesanan ringkas dan panggilan telefon menyatakan banjir tidak lagi seteruk



JAGDEEP Singh Deo (kiri sebelah) menyampaikan sumbangan cek kepada wakil salah sebuah badan kebajikan pada Majlis Sumbangan dan Makan Tengah Hari Sempena Hari Deepavali di sini baru-baru ini.

dahulu.

"Kalau dahulu, 60 ke 70 milimeter hujan sahaja sudah cukup untuk menenggelamkan kawasan seperti Kampung Dodol, Kebun Lama dan Jalan P. Ramlee menjadi 'sungai P. Ramlee', tambah beliau lagi.

Bagi rekod pemindahan, hanya 35 individu dari 193 orang belum mengambil pampasan untuk projek tebatan banjir manakala baki sudah mengambil sebahagian atau aman penuh.

Bagi memastikan kawasan gazet tebing sungai tebatan banjir tidak diceroboh, Kerajaan Negeri turut memagar kawasan-kawasan terbabit dengan pagar berjumlah RM 489,989.00 sepanjang dua kilometer dan 40 peratus sudah pun siap.

Serentak dengan sidang media dan majlis makan tengah hari bersama komuniti di situ juga, Jagdeep Singh turut menyampaikan berupa barang keperluan harian kepada 250 orang dari lapan rumah amal kebajikan seperti Sekolah Terencat Akal Datok Keramat, Asia Community Service, Persatuan Orang Cacat Negeri Pulau Pinang dan lain-lain lagi bersama ibu-ibu tunggal.

# KN peka kepentingan wanita

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**SEBERANG JAYA** – Kepelbagai program disediakan Kerajaan Negeri bagi membantu golongan wanita di negeri ini.

Menurut Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Brigid Wanita Pulau Pinang, Dr. Norlela Ariffin merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Kerajaan Negeri sentiasa bersikap prihatin dan peka terhadap kepentingan kaum wanita di negeri ini.

“Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai, Pusat Jagaan Kanak-kanak di bahagian pulau dan Seberang Perai serta penubuhan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) adalah antara sumber diperuntukan Kerajaan Negeri bagi pembangunan wanita di negeri ini, ujarnya pada Majlis Kursus Induksi

Brigid Wanita Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir merasmikan majlis tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Menurut Norlela, ramai daripada wanita setempat yang mungkin tidak sedar bahawa Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai program bagi membantu kebajikan golongan hawa di bawah PWDC.

“Menerusi program ini diharap golongan wanita tidak akan melepaskan peluang untuk bersama membina Pulau Pinang yang bahagia dan makmur dengan peluang yang diberikan,” tegas beliau.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa penubuhan Brigid Wanita Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah untuk memimpin para wanita supaya berdikari menerusi program-program bantuan ditawarkan Kerajaan Negeri



KETUA Menteri dan para peserta menunjukkan tanda bagus pada Majlis Kursus Induksi Brigid Wanita Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

contohnya seperti pinjaman mikrokredit menerusi Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

“Malah, penubuhan Brigid Wanita juga

disaran membantu golongan wanita dalam lingkungan usia 35 tahun ke atas bagi mendapatkan perkhidmatan rawatan mammogram percuma yang dibiayai sepenuhnya Kerajaan Negeri,” ujarnya.

## Projek harap siap bela nasib keluarga tinggal dalam kontena

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TELUK AIR TAWAR** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam berharap projek perumahan Taman Bayu Aman di sini yang terbengkalai sejak 17 tahun lalu dapat disiapkan pada tahun depan bagi membolehkan penduduk berwajib yang menetap di dalam kontena kini berpindah ke sana.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke tapak tersebut sempena sambutan Hari Habitat Sedunia di sini baru-baru ini.

Hari Habitat Sedunia ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada hari Isnin minggu pertama bulan Oktober tiap-tiap tahun supaya semua negara atau kerajaan senantiasa berusaha untuk memperbaiki keselesaan habitat serta tempat tinggal manusia.

“Projek ini telah terbengkalai, terlalu lama... mereka tinggal dalam kontena yang dijadikan rumah sejak 17 tahun lepas.

“Kita (Kerajaan Negeri) tidak boleh membiarkan mereka terus tinggal dalam ‘rumah kontena’ ini dan kita harap projek ini siap sepenuhnya tahun depan,” ujar beliau pada satu sidang media tersebut bersama-sama Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Air Tawar, Norhayati Jaafar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan Blues Wagon Sdn. Bhd., Datuk Tean Kok Ping iaitu pemaju yang dilantik untuk menyiapkan projek terbengkalai tersebut.

Hon Wai berkata, beliau secara peribadi mengadakan enam kali lawatan susulan ke



WONG Hon Wai (dua dari kiri) dan Norhayati Jaafar (paling kiri) memberi penjelasan kepada penduduk ‘rumah kontena’ mengenai perkembangan projek rumah pangsa kos rendah Taman Bayu Aman di sini baru-baru ini.

tapak projek terbengkalai itu, sejak 13 Mei tahun lepas demi menangani masalah penduduk berwajib.

Difahamkan, projek fasa satu rumah pangsa kos rendah tujuh tingkat itu terdiri daripada 149 unit rumah yang setiap satu berkeluasan lantai 600 kaki persegi.

Sebanyak 97 unit akan dibuka kepada senarai menunggu pembeli rumah kos rendah yang berdaftar dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

Dalam satu perjanjian yang dipersetujui bersama pemaju asal, 52 penduduk berwajib masing-masing ditawarkan pampasan berupa dua atau tiga unit rumah berbaki di taman tersebut.

Sementara menunggu projek tersebut siap sepenuhnya, 37 keluarga memilih untuk tinggal dalam ‘rumah kontena’ manakala, 15 keluarga lain telah menyewa rumah di luar kawasan pemaju berkenaan.

Projek Taman Bayu Aman terbengkalai sejak sebelum Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Negeri, pada bulan Mac 2008.

Kini, projek tersebut cuba disiapkan dengan pertolongan Blue Wagon dan satu lagi pemaju, Welcome Property.

## Proses kewarganegaraan tidak wajar dirumitkan – Ramasamy

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy tidak berpuas hati dengan kerentahan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang kerap kali memberi pelbagai alasan berikutkan ini dalam menyelesaikan masalah kewarganegaraan di sini.

Katanya, antara masalah yang kerap timbul adalah permohonan yang telah lama dibuat tetapi kekal tiada jawapan, proses permohonan terlalu birokratik khususnya membabitkan pemohon kurang berpendidikan dan kes permohonan sijil lahir serta kad pengenalan membabitkan individu tidak mengetahui kedudukan ibu bapa kandung masing-masing serta segolongan adalah yatim piatu.

“Sejak Februari lalu, Kerajaan Negeri telah melantik lima Pegawai Kewarganegaraan berpengalaman bagi menolong menyelesaikan isu ini.

“Pegawai-pegawai dilantik hanya boleh menolong individu-individu berkaitan memproses permohonan dan keputusan akhir masih terletak pada pihak jabatan (JPN).

“Sepatutnya proses ini tidak dirumitkan dengan segala kerentahan birokrasi,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ramasamy memberitahu, sejak ditubuhkan, jawatankuasa berkenaan telah membantu 351 individu berhubung masalah dihadapi.

Dalam pada itu, beliau turut merayu agar pihak media melanjutkan isu tersebut



PROF. P. Ramasamy (duduk, tengah) menunjukkan kenyataan beliau berhubung isu kewarganegaraan bersama-sama Pegawai Kewarganegaraan dan individu-individu berkaitan di sini baru-baru ini.

kepada umum rentetan laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris pada 19 September lalu berhubung kejayaan tiga individu memperoleh hak kewarganegaraan hanya setelah kes masing-masing disiarkan.

Salah seorang pemohon, Abdul Ghani Abdullah, 57, yang dilahirkan di Puchong, Selangor sudah melengkapkan semua borang permohonan tetapi masih gagal mendapatkan hak beliau.

“Saya fasih berbahasa Melayu, Tamil dan Inggeris, tetapi bila pergi ujian, kerap kali mereka mengatakan saya gagal dan sehingga kini memegang kad pengenalan merah,” ujar Abdul Ghani.

Lebih menghairankan apabila tiga anak beliau diberikan status warganegara dan ibu bapanya juga adalah merupakan warganegara.

Bagi Mooi Hong Fatt, 53, yang dilahirkan di Brunei, beliau turut mengalami masalah serupa apabila pulang untuk mendaftar di Malaysia yang mana JPN hanya memberikan surat lahir kecemasan kepadanya.

“Saya memohon kad pengenalan biru sejak berusia 13 tahun lagi. Sebagai makluman, ibu bapa, isteri dan anak saya merupakan pemegang kad pengenalan biru tetapi saya dinafikan,” jelasnya.

# KM terima kunjungan IVU

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**LAWATAN KEHORMAT...** Sempena Sambutan Vegfest Dunia *International Vegetarians Union* (IVU) ke-41 dan Kongres Vegetarian Asia ke-6, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menerima kunjungan kehormat daripada delegasi IVU baru-baru ini.

Hadir sama dalam pertemuan tersebut ialah Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Kunjungan singkat tersebut adalah sebahagian dari lawatan IVU ke Pulau Pinang selama tiga hari.

Delegasi IVU seramai 13 orang turut berkesempatan melawati beberapa lokasi pelancongan terbaik di Pulau Pinang di samping sempat merasa ‘Raja Buah’ – durian di Taman Buah-buahan Tropikal dekat sini.

IVU merupakan sebuah badan bukan



KETUA Menteri bergambar kenang-kenangan bersama delegasi *International Vegetarians Union* dekat sini baru-baru ini. Turut sama Phee Boon Poh (empat dari kanan).

kerajaan (NGO) antarabangsa yang disertai oleh mereka yang mengamalkan gaya hidup ‘vegetarian’.



CHOW Kon Yeow (depan, empat dari kanan) dan Ar. Patahiyah Ismail (depan, tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para peserta sambutan ‘Hari Tongkat Putih’ di sini baru-baru ini.

## Golongan cacat penglihatan perjuang tingkat kemudahan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Bersempena sambutan ‘Hari Tongkat Putih’, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *St. Nicholas Home* mengambil inisiatif menganjurkan kempen berjalan kaki bagi memperjuangkan supaya kemudahan-kemudahan golongan cacat penglihatan ditingkatkan di lokasi-lokasi awam di sini baru-baru ini.

Pengarah Executif *St. Nicholas Home*, Daniel Soon berkata, beliau berharap Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dapat memberi perhatian kepada halangan-halangan seperti tiang, laluan yang pecah dan sebagainya.

“Saya berharap ia dapat dibaiki dan diubah.

“Contohnya di stesen bas, pihak-

pihak berkaitan boleh meletakkan kios informasi yang mempunyai ‘suara’ bagi mengumumkan ketibaan bas agar golongan ini tidak perlu terlalu bergantung kepada orang lain,” katanya di sini baru-baru ini.

Program bertemakan ‘Kemudahan Adalah Satu Hak’ tersebut dihadiri Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow sebagai sokongan Kerajaan Negeri terhadap pembangunan kemudahan bagi golongan serba kekurangan tersebut.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Yang diPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail,

Acara tersebut sebelum ini telah dijalankan buat kali pertama pada 15 Oktober 1986 di Komtar di sini.

## Harap Penang PAC erat hubungan negeri, Korea

Oleh: **MARK JAMES**

**Sayembara** kearah pemeriksaan konsep Bajet Responsif Gender (BRG) bermula dengan rancak di Pulau Pinang pada November 2011 melalui penubuhan Perbadanan Kemajuan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Kerajaan negeri Pulau Pinang bersama-sama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menzahirkan komitmen, ketegasan dan kesungguhan mereka untuk menyerlah sebagai institusi-institusi responsif gender dengan memperuntukkan dana kepada PWDC untuk tujuan tersebut. Malah, misi pasukan GRB yang ditubuhkan itu dipacu oleh pendekatan berteraskan “pengaruspertudan gender kearah kesaksamaan gender dan keadilan sosial” di Pulau Pinang.

Sekiranya anda pernah mengikuti kemajuan projek dan aktiviti BRG melalui pelbagai laporan yang dimuatkan dalam lembaran-lembaran Buletin Mutiara, anda mungkin bersetuju bahawa walaupun sayembara memperkasakan konsep BRG merupakan satu perjalanan getir yang diwarnai pelbagai mehnah dan diulit seribu satu cabaran, ia tetapi merupakan satu pengembaran yang mengujakan dan melakar sejarah tersendiri. Kebanyakan laporan sehingga kini berkisar aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dua tapak projek komuniti tempatan iaitu di PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan. Sebagai contoh, penaiktarafan taman rekreasi di PPR Ampangan dan penyerahan kontrak pembersihan kepada Persatuan Penduduk PPR Jalan Sungai merupakan dua mercutanda dalam usaha pemerkasaan BRG.

Dalam kita mengiktiraf mercutanda-mercudanda ini sebagai pencapaian yang harus dibanggakan, adalah penting juga bagi kita menyedari dan mengiktiraf proses perundingan dan penglibatan yang dilalui bersama oleh komuniti dan pasukan BRG kearah mencapai kejayaan yang diidamkan. Dalam nukilan-nukilan terdahulu, kami telah memperincikan pelbagai fasa yang diharungi dalam usaha kearah pengutamaan keperluan komuniti. Apa yang ingin ditekankan kali ini pula ialah maklumat dan data yang relevan adalah kekunci penting dalam penentuan keperluan komuniti.

Perlaksanaan kaji selidik maklumat baseline, perbincangan kumpulan fokus dan kaedah pilihanraya untuk penentuan keutamaan keperluan merupakan

sebahagian dari mekanisma pengumpulan maklumat dan data bagi memastikan penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan berhubungkait penggunaan sumber dana yang terhad secara optima. Malah penggunaan kaedah proses pengundian oleh ahli komuniti setempat telah benar-benar membantu memperkasakan demokrasi serta menjulang hak rakyat.

Di peringkat institusi, kedua-dua majlis perbandaran dan kerajaan negeri sedar akan hakikat bahawa “setiap kelompok masyarakat mempunyai keperluan berlainan tetap tidak memiliki sumber dan dana yang mencukupi bagi memenuhi setiap keperluan tersebut”. Justeru berbekalkan kesedaran ini tugas mereka harus berpaksikan kepada penentuan keperluan yang harus diutamakan serta memastikan agar sumber sedia ada membawa manfaat kepada setiap kelompok rentas masyarakat.

Dalam ertikata lain, kami ingin menegaskan bahawa sesuatu institusi responsif gender haruslah mengumpul sebanyak mungkin maklumat dan data yang relevan sebelum membuat keputusan mengenai projek dan aktiviti yang harus dilaksanakan.

Bertitik tolak dari pendekatan ini, pemacu projek BRG telah memutuskan bahawa salah satu daripada lima outputnya akan berpusat kepada pemerolehan data mengikut-jantina (sex-disaggregated data or SDD). Untuk mengutarakan perihalnya pemilikan SDD, adalah wajar agar kita membincangkan serta mengapresiasi instrumen pengukuran pemantauan yang dikenali sebagai Analisis Insiden Faedah atau Benefit Incidence

## Kelompok Berlainan Keperluan Berbeza

Berprihatin kepada keperluan wanita, lelaki, kanak-kanak, Warga Emas dan OKU

### Projek Perintis Bajet Responsif Gender (BRG)



### Different People Different Needs

Analysis (BIA).

Analisis Insiden Faedah (Benefit Incidence Analysis or BIA) merupakan pengukur kuantitatif yang bermanfaat yang diperolehi oleh seseorang individu yang menyertai sesuatu aktiviti atau acara. Sebagai gambaran akan peranan BIA, kita akan mengkaji “perlancaran penaiktarafan projek taman rekreasi dan acara hari keluarga” yang diadakan di PPR Ampangan pada April 2013. Objektif acara berkenaan adalah untuk mewujudkan kesefahaman dan merapatkan silaturrahim antara penghuni PPR Ampangan selain dari pelancaran projek penaiktarafan taman rekreasi di kawasan berkenaan. Acara ini terbuka kepada semua penghuni.

Sejumlah RM6,900.00 telah dibelanjakan untuk acara ini dan berdasarkan pendaftaran peserta seramai 229 orang penduduk setempat telah menghadiri majlis berkenaan.

Berbekalkan maklumat ini, kami dapat menghitung manfaat yang di raih setiap hadirin (per pax) adalah bersamaan kira-kira RM30 per pax yakni RM6,900 di bagi 229.

Disebabkan pihak pengajur menetapkan pendaftaran setiap hadirin, maklumat/data terperinci berhubung umur, jantina dan status keilatan dapat di kumpul dan dijadikan bahan kajian.

Berbekalkan dengan data mengikut gender (SDD), kami berupaya menganalisis impak manfaat berdasarkan kelompok gender dan umur. Dalam acara ini seramai 152 wanita dan 77 lelaki hadir dan oleh yang demikian catatan BIA adalah RM4,560 (152 X 30) untuk wanita dan RM2,310 (77 X 30) untuk lelaki.

Analisis tambahan maklumat berkenaan mendedahkan bahawa kohort wanita berusia 18 dan kebawah merupakan kumpulan hadirin yang paling


ramai menyertai majlis berkenaan manakala belia/remaja lelaki berumur antara 19 hingga 30 tahun merupakan kumpulan terkecil yang menghadiri acara berkenaan. Berbekalkan data yang diperolehi, para pengajur dalam mengkaji semula acara berkenaan boleh memikirkan mengenai aktiviti apakah yang harus mereka rancangkan kelak bagi menarik penyertaan lebih ramai golongan penghuni yang paling kurang diwakili dalam acara yang telah dilangsungkan.

Memandangkan kajian baseline terdahulu menunjukkan bahawa terdapat kira-kira 1,000 penghuni di PPR, persoalan yang timbul ialah mengapa hanya 23% dari jumlah keseluruhan penduduk menghadiri acara berkenaan. Malah dalam kajian semula mereka, pengajur juga boleh bertanya apa yang perlu di lakukan oleh mereka bagi meningkatkan kadar peratusan yang hadir, umpamanya agar mencecah 60%?

Jelas, kami telah menunjukkan bahawa kebolehdapatan SDD dapat membantu membuat keputusan menilai tahap kejayaan sesuatu acara atau aktiviti dan membantu mereka merancang acara-acara yang bakal diadakan. Dalam artikel/nukilan ini, kami telah mengutarkan/mengetaharkan satu alat ukuran spesifik yakni Analisis Insiden Faedah (BIA) yang menggunakan maklumat SDD.

Ada pelbagai alat pengukuran lain seperti Penilaian Impak Faedah, yang bersifat kualitatif, penilaian penggunaan masa dan pengukur perbelanjaan awam yang kita akan utarakan untuk perbincangan dalam nukilan akan datang.

Dalam jangka masa panjang setelah kita membuktikan kepentingan dan signifikansi SDD, kita menjangkakan institusi-institusi pentadbiran menggunakan data seumpama ini sebagai alat wajib dalam penggubalan pelan dan polisi terutama dalam kerangka penyediaan bajet hasil tahunan dan perbelanjaan.





## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesem semula peminjam dan penjamin mengikut senario di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 130 : ABDUL HALIM BIN ABDUL HAMID - 551028075209 1589 KAMPUNG BANGGOL 13220 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 254 : NEOH TENG LEONG - 601106075195 51 TINGKAT TEMBUSU, BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 277 : ROSLI BIN AB RAZAK - 550112075143 8B MTC QUARTERS, BUKIT COMBEE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 324 : SITI ZAHARAH BT ABDUL HAMID - 420827075272
Penjamin 1	: SAAD BIN AHMAD - 2537028 24-9 JALAN LIM POON 83000 BATU PAHAT, JOHOR	Penjamin 1	: TAN SIEW KEE@TAN HOE HOCK - 3240468 (MINGGAL DUNIA) 24 JALAN SELENDANG, EAST GARDEN 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: FARIDAH BT MURSHID - 4605242 8B MTC QUARTERS, BUKIT CHOMBEE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NO.10 DESA AL-AMIN, KAMPUNG SUNGAI TANGKAS 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 2	: SALMAH BINTI SAAD - 4086901 1236 KAMPUNG BANGGOL 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: NEOH GURNEY - 4902211 46-5-6 JALAN BUKIT GAMBIER 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZULKIFLI BIN OTHMAN - 3944858 (MINGGAL DUNIA) 460-J MINDEN HEIGHTS 7, SUNGAI GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TEH CHOONG KONG - 3647314 134 LEBUH MELAKA 10400 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 401 : FAZILAH BT CHE DIN - 640906075670 NO 245 JALAN I/2, TAMAN DAMAI 09400 PADANG SERAI	No Akaun Peminjam	: 406 : HAMIDUN BIN DIN - 660114075507 582 JALAN MAHSURI 6A, TAMAN MAHSURI 09400 PADANG SERAI, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 407 : NORIZA BT ABDUL HAMID - 650203075876 944-A JALAN SAMAGAGAH, PERMATANG PAUH 13500 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 550 : ZURAIDAH BINTI ABDULLAH - 651002075460 NO. 9 LORONG 12, TAMAN BALOK MAKMUR 26100 KUANTAN, PAHANG
Penjamin 1	: RAZAK BIN OTHMAN - 0968252 (MINGGAL DUNIA) 1854 BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: ABDULLAH BIN OTHMAN - 530930075155 (MINGGAL DUNIA) NO.12 TAMAN DESA JAYA 26400 BANDAR JENGKA, PAHANG	Penjamin 1	: AINI BTE ABDUL HAMID - 5428635 58, JALAN MEWAH 2/6, PANDAN MEWAH, AMPANG 68000 SELANGOR	Penjamin 1	: ISMAIL BIN UMAR - 520614075509 3473 KOTA AUR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2	: AZUDIN B MD NOOR - 4094455 2987 BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: AZMI BIN AMIR - 521020045227 NO. 3 LOT LABDANG RPSB, BATU 8 LEPAR, GAMBANG 26300 PAHANG	Penjamin 2	: MOHD RAFDZI BIN MOHD RAMLI - 4643258 NO. 2 JALAN TKC 1/3 TAMAN KOTA CHERAS, BATU 9, 43200 KAJANG, SELANGOR	Penjamin 2	: MOHD SALIM BIN ABDULLAH - 560922075531 901 LORONG DELIMA 1/5, TAMAN DELIMA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
No Akaun Peminjam	: 557 : LEE CHING YUAN - 640921075943 NO.16 LORONG CENGAL 2/2, TAMAN CENGAL 13400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 586 : ZABIDAH BINTI ISMAIL - 670217075322 NO. 6 JALAN KENYALANG, PERUMAHAN POLIS SERIAB 01000 KANGAR	No Akaun Peminjam	: 644 : TOCK HENG CHUAN - 65026075157 3-3-3A LENGKOK NIPAH, TAMAN LIP SIN	No Akaun Peminjam	: 722 : OOI CHIN HAW - 660930075273 278-E LORONG 25, TAMAN SEJATI INDAH
Penjamin 1	: TAN GEOK SUAI - 490203715028 NO. 50 TINGKAT BUKIT KECIL 2, TAMAN SRI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABU OTMAN BIN AHMAD - 490901075515 10593 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: WONG TEOW KOK - 3355438 22 GELUGOR GREEN 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH LEE WEI KEAT - 0299458 NO. 6623 JALAN MENGKUANG
Penjamin 2	: LEE HONG LEAN - 381018075038 49 LORONG LUMBA KUDA 11400 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: CHE YAH BT HASHIM - 511224075218 (MINGGAL DUNIA) 1561 TAMAN KOSKAM, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: TOCK HENG AUN - 7122444 C 14-4 FLAT PADANG TEMBAK 11400 PULAU PINANG	Penjamin 2	: 12200 BUTTERWORTH TEH LIANG TEIK - 1750215 NO. 57 TAMAN BINJAI, SRI RAMBAI 12000 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 742 : HU SEONG LENG - 670831075023 629 JALAN KEMPAS 19, TAMAN KEMPAS MERAH, 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 757 : TEH TENG KHOON - 650201075493 NO.67 JALAN BAGAN LALANG 313400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 782 : TEOH JOO GAIK - 651209075628 16 LORONG CENGAL 2/2, TAMAN CENGAL 13400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 880 : LIM HONG MEE - 650415075122 NO.22 LORONG CENGAL 2/1, TAMAN CENGAL 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: TEN SONG TIEK - 540417085119 (MINGGAL DUNIA) 6414-D JALAN RAJA DEWA	Penjamin 1	: TEH THENG CHEW - 4672279 4755 JALAN JETTY LAMA 12200 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: YAP CHEAK HA - 4269664 (MINGGAL DUNIA) 86 TINGKAT RIANG, TAMAN RIANG, 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: LIM KWANG HUAT - 4565219 BLOCK 26-2-8 MEDAN PENAGA, LEBUHRAYA BATU LANCHANG
Penjamin 2	: LIM ENG HOW - 570829025651 NO.26 LORONG BUKIT MINYAK 23/1, TAMAN SENTUL INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: TEH TING AN TEIK@TEH ENG THIAT - 4935433 77 JALAN KIKIK, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI	Penjamin 2	: CHAI CHAN LIN - 3369996 (MINGGAL DUNIA) 9D, JALAN DELIMA, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TEH TEONG HOR - 1849895 1-5-3A JALAN TAPAH, TAMAN SRI BUNGA, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 972 : MANSOR BIN MD ZAIN - 651001075995 NO.9 JALAN SG 4/3, TAMAN SRI GOMBAK 68100 BATU CAVES, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 1040 : LIEW CHOY SHEN - 670111095018 7-3-1 RIFLE COURT, JALAN PADANG TEMBAK, 11400 AYER ITAM	No Akaun Peminjam	: 1089 : AKASHAH BIN ISMAIL - 621017075589 52 JALAN TTJS 3/1B, TAMAN TUANKU JAAFAR	No Akaun Peminjam	: 1209 : PREETHA GENGGADARAN - 681218075328 LOT 749, JALAN CLEMATIS 6, PUJUT 8B, 98000 MIRI
Penjamin 1	: OMAR BIN CHE MAY - 621124075859 8 LORONG 13,TAMAN HJ AHMAD JAMIL	Penjamin 1	: LEOW MAN KIEW@LEOW SU MIN - 7606614 NO. 73 LORONG MURNI 21, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA	Penjamin 1	: FAUZIAH BT HARON - 520115055298 KG KAYU ARA 71300 REMBAU, NEGERI SEMBILAN	Penjamin 1	: KUMARAN A/L SITHAMBARAM - 4451918 4581 JALAN MOHD SAAD, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: NORDIN BIN MAHAMUD - 57032075935 NO.1400 KAMPUNG AMAN 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: LAI KIN CHONG - 6372939 75 TAMAN SINARAN, JALAN KILANG TEBU 06600 ALOR SETAR, KEDAH	Penjamin 2	: RAHMAH BINTI ISMAIL - 600320075124 NO. 35 JALAN PADI RIA 16, BANDAR BARU UDA 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR	Penjamin 2	: VASHU A/L SINNASAMY - 3799976 7, LORONG KOTA PERMAI 5, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 1415 : OH BOON LAW - 681109075169 L6-4 TAMAN FREE SCHOOL 10460 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1455 : TEH CHEE HIONG - 700223075163 953 JALAN PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA,	No Akaun Peminjam	: 1516 : ADAM RODNEY DINESH BIN ABDULLAH - 680926075797 12 TINGKAT BAGAN BARU 12000 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 1647 : LEE SU LI - 710501075390 NO 26 LORONG 64, TAMAN PATANI JAYA 08000 SUNGAI PETANI
Penjamin 1	: CHOY KAR HOE - 6087058 314 JALAN BB, TAMAN MELAWATI	Penjamin 1	: TAN TIAN SEONG - 550201075129 NO. 1021 PENAGA, 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: CYRIL MADURAM SANTOSHOM - 400401075277 72 JALAN LIMAUM EMAS 4, TAMAN LIMAUM EMAS, JALAN RASAH 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN	Penjamin 1	: TAN BAK CHYE - 4285440 NO. 83 TAMAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: LEE KIN CHYE - 4238569 5 JALAN SS2/70, 47500 PETALING JAYA, SELANGOR	Penjamin 2	: EWE CHIN HOOI - 400422075137 8 TINGKAT PAHLAWAN 16, TAMAN SENANGAN 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: YAM HONG LEONG - 580605085371 36 TINGKAT BAGAN BARU 8, 12000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: TAN SIAM GEIK - 1237951 83 TAMAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 1668 : CHAN YU KANG - 710731075193 NO 33 JALAN DENAI 20, TAMAN BUKIT JAYA 81800 ULU TIRAM, JOHOR	No Akaun Peminjam	: 1740 : LAU TAN LEONG - 690202075213 NO. 9-10-25, LINTANG PAYA TERUBONG 3, 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1771 : RATNAVALLI A/P SANMUGAM - 700126075284 22-19 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8 JELUTONG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1797 : JAYALALIDHA A/P VESOVALINGAM - 700627075290 NO.26 LORONG PERAI UTAMA 4, TAMAN PRIMA 13600 PERAI
Penjamin 1	: LOW WAI FONG - 410827075062 NO. 8 SOLOK SLIM, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: THAM TIAN KEONG - A0229293 NO. 22-A JALAN PANTAI 1, 75000 TENGKERA, MELAKA	Penjamin 1	: LIM ENG HOOI - 2518497 1-21 TINGKAT DUA, JALAN AIR PUTIH 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: JAYARAMAN A/L SENGIAH - 360405085065 (MINGGAL DUNIA) 1050 BAGAN LEBAI TAHIR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: YEAP LAI YIN - 500205075366 23-4-2 SRI PINANG APARTMENT, JALAN LOGAN 10400 PULAU PINANG	Penjamin 2	: THAM NGAU CHOI - 0286417 BLOK 4B 08-22 TINGKAT THEAN TEIK 2, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD TARMIIJ BIN SALLEH - 7046497 191-G BATU 4 1/2, KAMPUNG PASIR, KAMUNTING 34600 PERAK	Penjamin 2	: ZAINOL ABIDIN BIN NASARUDIN - 4095893 1414 TAMAN MELATI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 1869 : OOI HUEY SIN - 700121075146 F5-7 RIFLE RANGE FLATS, 11400	No Akaun Peminjam	: 1880 : NOORUL HUDA BT JAMALLUDIN - 720108075748 4101 MK 3 BUKIT INDERA MUDA 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2044 : GOH SIEW HEONG - 701010075180 203-1 JALAN PAYA TERUBONG 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2105 : CHEAH KHAI KID - 700625075705 NO.12 TINGKAT AMAN 4, TAMAN ROBINA, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: MAH SENG LUM - 1341686 52-8-1 DESA MUTIARA CHANGKAT , BUKIT GAMBIER, GELUGOR	Penjamin 1	: SHUIB BIN MALIK - 47076075319 NO. 95 MK 3 BUKIT INDRA MUDA 14400 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: LOW KOOI CHOOON - 5851183 338-Q JALAN PERAK 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: LEE KOK THONG - 8192327 163 LEBUHRAYA PERAJURIT 3, IPOH GARDEN EAST 31400 IPOH, PERAK
Penjamin 2	: ONG KIM KOOON - 6037997 3-09-14 SRI KENARI APARTMENT, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SULAIMAN BIN AHMAD - 0971031 NO. 2480 MK 3 BUKIT INDRA MUDA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: LEE WAT GUAN - 0276300 408-C JALAN TAMAN CANTIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: THAM FOK YENG - 4965362 54 PESIRAN SEGAMBUT UTARA 51200 KUALA LUMPUR
No Akaun Peminjam	: 2157 : ARIVALAN A/L RAMAIYAH - 690710075447 96 LORONG MURNI 20, TAMAN DESA MURNI SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 2216 : YEOH SAW SIEW - 711231075298 152 LEBUHRAYA BATU MAUNG, BAYAN LEPAS, 11960	No Akaun Peminjam	: 2218 : LEONG PEI KUAN - 710901075242 NO. 6, LORONG 6/SS2, BANDAR TASEK MUTIARA	No Akaun Peminjam	: 2237 : TEO LEAM KEE - 710207075349 12A LORONG PERMAI JAYA 12, TAMAN PERMAI JAYA
Penjamin 1	: MUNIANDY A/L DORAISAMY - 7915908 10 JALAN BAGAN LALANG 3, TAMAN BAGAN LALANG, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: TOH LAY SEE - A1985401 77-3-9 TAMAN MEDAN, PENAGA 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 14120 SIMPANG EMPAT, SPS TAN BEE LEAN - 6715530 24 TINGKAT KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH 1		



## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 7784 : SHARIZAL BIN SUAID - 780429085693 359 LORONG PETALING 10, TAMAN PETALING 09000 KULIM, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 7801 : LIM LAY SUAN - 770403076298 27-V, JALAN AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 7805 : CH NG CHAI HONG - 760730075365 A-3-1 JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 7812 : LIM CHEE KEONG - 781011075839 2B-20-1 PLAZA IVORY CONDOMINIUM, HALAMAN BUKIT GAMBIR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SURYANI BINTI SUAID - A250191 9632 JARAK ATAS 11310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: ANG SAN HOH - 50112075257 3 SOLOK PERMAI, TAMAN BROWN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: CH NG CHENG TEE - 480220075334 22-12A-21 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: TAN CHYE HOCK - 0958301 (MENINGGAL DUNIA) 21-7-13 TAMAN LONE PINE, LEBUHRAYA THEAN TEIK 11060 PULAU PINANG
Penjamin 2	: FAIZAL B ABD RAHMAN - A2591449 17 LORONG 5, TAMAN BERLIAN 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: LIM KOK LEONG - 710215075525 207-G JELUTONG BARAT 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ONG KUAN YEH - 680611075039 7 LORONG NIPAH 5, TAMAN LIP SIN, SUNGAI DUA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TAN CHYE SENG - 590603075005 BLOK 10-10-7 LEBUH RELAU, TAMAN ALOR VISTA, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 7842 : ROSMAIDIY BIN MOHAMED RAMLY - 770226085547 1-9-16 BLOK MERBAU DESAMINIUM RIMBA, JALAN TASIK 1, TMN DESAMINIUM 43300 SERI KEMBANGAN	No Akaun Peminjam	: 7844 : FADZLI BIN ABDUL RAOF - 770701075533 579 MK 3 SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 7846 : CHANDRAMOGAM A/L MANIAM - 770929075257 NO.40 JALAN PI 2/4, TAMAN PULAI INDAH 81110 KANGKAR PULAI JOHOR	No Akaun Peminjam	: 7862 : YEOH MEI HUA - 770418075730 37 TINGKAT KANCIL SATU, TAMAN HWA SENG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: ROSMAIZA BT MOHAMED RAMLY - 751116085286 1-9-16 BLOK MERBAU, DESAMINIUM RIMBA, JALAN TASIK 1, SERI KEMBANGAN 43300 SELANGOR	Penjamin 1	: FAZILAH BINTI ABDUL RAOF - 740509075616 579 MK 3, SUNGAI RUSA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUNIANDY A/L ALIMUTHU - 670717075345 NO. 8 LORONG SEJAHTERA 1, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: YEOH KOK GOON - 700129075159 NO. 5-2 JALAN PERNIAGAAN 1, PUSAT PERNIAGAAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: ZANITA BT MOHD ZAINUDDIN - A1913011 11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL,SPS	Penjamin 2	: HASSAN BIN JUSOH - 4740115 640B MK A, SUNGAI PINANG 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: BATHMANATHAN A/L K. ABAROO - 770409075843 910 KG SELUT, SUNGAI JAWI 14200 SUNGAI BAKAP , SEBERANG PERAI SELATAN	Penjamin 2	: YEOH KOK TIAN - 660330075755 (MENINGGAL DUNIA) 37 TINGKAT KANCIL 1 , TAMAN HWA SENG 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 7891 : ROSMIZAN BINTI ABU BAKAR - 791219075132 14 HALA KLEBANG RESTU 30, MEDAN KLEBANG RESTU 31200 CHEMOR, PERAK	No Akaun Peminjam	: 7900 : NORANIZAN BT SULTAN MYDIN - 790207075376 SEK. MEN. KEB. TASEK, TAMAN PUTERI GUNUNG	No Akaun Peminjam	: 7922 : FAIZAH BINTI AHMAD - 760507075370 514 PANGSA MURNI, SEKSYEN 6C 53300 WANGSA MAJU, KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 7928 : ENG MENG HOCK - 790223075325 2106 KAMPUNG JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1	: ZULKAFLI BIN CHE HAMAD - 661114035657 BLOK 0-2-18 APARTMENT PERMATA, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHD IDRIS BIN SULTAN MYDIN - 760506075539 NO. 9 JALAN ALMA JAYA 1, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: RAFIDAH BINTI AHMAD - A2131155 1498 JALAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ENG MENG KOOI - 620920075185 2106 JALAN 4 KAMPUNG JAWI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2	: AHMAD BIN HUSIN - 4602604 60 MK 6 KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: SARENA BINTI HASHIM - 751104016742 1156 TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: MD YUSUF BIN OTHMAN - 520813025205 6 SOLOK NIPAH DUA, TAMAN HAJI MOHD AMIN, KG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: NG TENG YAM @ NG MAH NEE - 451218075199 1978 JALAN KEBUN , KAMPUNG JAWI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
No Akaun Peminjam	: 7930 : MUSYRIF BIN MAT SAAD - 801202075167 A-1-3 SETESEN PENYELIDIKAN SG BULOH, LEMBAGA GETAH MALAYSIA 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 7947 : NOOR AZEAN BT ISMAIL - 790529075184 4400 MK 8 TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: CHE MURAT BIN SAN HOOD - 590925025975 421 MK 8 TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 7928 : ENG MENG HOCK - 790223075325 2106 KAMPUNG JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1	: MOHD SHAHMUDIM BIN ISMAIL - 750831075939 660 MK 21 GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG , BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MOHD ZUHAIRI BIN ABDUL RAHMAN - 680811075041 688 MK 21 GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG , BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MOHD JOHARI BIN ISMAIL - 721231075625 NO. 37 LORONG SUTERA PRIMA 7, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: NG TENG YAM @ NG MAH NEE - 451218075199 1978 JALAN KEBUN , KAMPUNG JAWI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS

## TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Mulai 1 September 2013 hingga  
31 Disember 2013

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

### Alamat

Unit Pinjaman Penuntut  
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 29, KOMTAR  
10503 PULAU PINANG

### Telefon

04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627

### Faks

04-2613453

### Email

[farahhanim@penang.gov.my](mailto:farahhanim@penang.gov.my)  
[rizalazli@penang.gov.my](mailto:rizalazli@penang.gov.my)  
[roos@penang.gov.my](mailto:roos@penang.gov.my)



# GI jangka pasaran IT negara cecah RM61.9 bilion

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – *Gartner Incorporated (GI) berpendapat pasaran teknologi maklumat (IT) negara dijangka meningkat sebanyak 6.4 peratus menjadi RM61.9 bilion bagi tahun ini, berbanding tahun sebelumnya.*

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa merasmikan pembukaan seminar *Gartner Asia Pacific (APAC) Local Briefing* berharap perkembangan terbaru itu sekaligus turut memberi manfaat di negeri ini.

“Saya sangat mengalaukan semua pelabur yang hadir ke seminar ini... (kerana) Pulau Pinang memang menuju ke arah negeri (berorientasikan) IT,” ujar Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih di sini baru-baru ini.

Naib Presiden Khidmat Nasihat GI (Singapura), Derek Seow dan Andrew Phillips (Naib Presiden Pengurusan

Penyelidikan GI) turut serta dalam sidang media tersebut.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, Kerajaan Negeri yakin perkembangan industri IT di negeri ini mampu memangkin pada kejayaan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat nanti.

Sebelum itu, Derek Seow berkata, jangkaannya itu berdasarkan unjuran pada perkembangan perkhidmatan telekomunikasi (talian tetap, mudah alih dan data), peranti (telefon pintar, komputer peribadi dan pencetak) perkhidmatan, perisian serta sistem pusat data (pelayan, penyimpanan, IT dan peralatan rangkaian) di negara ini.

Justeru, Derek Seow berkata, keperluan pada elektronik pintar serta aksesori berkaitan akan mewujudkan sebuah industri IT yang lebih dinamik dengan anggaran pelaburan kira-kira AS\$10 bilion menjelang tahun 2016.

“Hasil daripada peralatan

elektronik pintar terpakai dianggarkan AS\$4.2 bilion tahun lalu.

“Lebihan hasil bagi perlatalan elektronik pintar terpakai ini merangkumi peralatan kecergasan, prestasi sukan, komunikasi dan penjagaan kesihatan serta aplikasi produktiviti dan pemasaran,” katanya pada sidang media yang sama.

Tambah Derek, perbelanjaan global bagi penggunaan internet termasuk alat-alat teknologi dengan keupayaan interaktif dan mesra alam dijangka akan mencapai nilai AS\$1.9 trillion menjelang tahun 2020.

“Ini akan memberi manfaat kepada penggerak industri dalam bidang kesihatan, runcit dan pengangkutan,” tambah beliau.

Sementara itu, Andrew Phillips pula menggesa penggiat industri berwajib supaya berhati-hati dengan kecenderungan



**KETUA MENTERI** menerima cenderamata daripada Derek Seow (kiri) sejurus selepas perasmian seminar APAC Local Briefing di sini baru-baru ini.

melabur dalam percetakan tiga dimensi (*three-dimensional printing - 3D*).

“Ia akan menjadi suatu harapan yang tinggi ke arah peningkatan teknologi yang lebih baik, namun, ia masih mempunyai risiko.

“Ia juga akan memberi peluang kepada GI untuk menyediakan laporan yang lebih baik dan interaktif kepada pelabur kelak,” jelasnya.

GI merupakan syarikat

penyelidikan dan khidmat nasihat terkemuka dunia berkaitan IT yang berpengkalan di Singapura.

Syarikat antarabangsa itu memulakan operasinya di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sejak 10 tahun.

Pun begitu, difahamkan, GI dilihat kian berkembang maju sejak empat tahun lalu dengan hasil keuntungan yang dianggarkan kira-kira 300 peratus.

## *Penang Designer Village* mangkin pembangunan Batu Kawan

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mengumumkan pembangunan *Penang Designer Village* di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) yang diharap mampu menjadi tarikan baru ke arah menjadikannya lokasi berkualiti untuk berkerja, hidup, belajar, membeli-belah dan bermain.

Kataanya, dengan nilai Pembangunan Kasar (GDV) bernilai RM1 bilion, *Penang Designer Village* merangkumi pusat membeli-belah terunggul, hotel dan pembangunan aset sosial lain dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 36 bulan dari tarikh Perjanjian Jual Beli dan Perkembangan Pembangunan (*Purchase and Development Agreement - PDA*).

“Pembangunan tersebut adalah selaras dengan dasar PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) untuk mempromosi dan menjual tanah bagi menarik kemasukan projek-projek pemangkin untuk Batu Kawan khususnya di Bandar Cassia.

“Dengan adanya pelaburan-pelaburan baru, ia dijangka membantu melengkapkan perkembangan pesat di Batu Kawan kelak,” ujarnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, kemasukkan syarikat-syarikat ulung seperti *Bose Systems*, *Honda*, *Malaysian Automotive Lighting* dan *VAT Manufacturing* bukan sahaja membuka peluang pekerjaan, malah mampu menghapuskan persepsi negatif bandar ‘satelit’ baharu ini.

Meliputi kawasan seluas 40 ekar, ikon terbaru tersebut akan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk pusat membeli-belah mewah bertaraf antarabangsa, 300 bilik hotel bertaraf antarabangsa, kafe, restoran-restoran, taman-taman awam, taman kanak-kanak dan unit rumah kediaman.

Dalam perkembangan sama, pemaju projek pemangkin tersebut, PE Land Sdn. Bhd. (dipilih melalui tender terbuka) hadir memeterai perjanjian PDA bersama PDC dan disaksikan Guan Eng dekat sini.



**ALLAN SOO** (kiri) dan Christopher Boyd (kanan) memeterai Perjanjian Jual Beli dan Perkembangan Pembangunan bagi pembinaan *Penang Designer Village* di Batu Kawan, SPS di sini baru-baru ini.

Pengerusi PE Land Sdn. Bhd., Jason Tai berkata, dengan pembinaan *Penang Designer Village*, ia bakal mewujudkan lebih 3,000 peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan.

“Kami menjangkakan untuk

menyiapkan pusat membeli-belah ini dalam tempoh dua tahun,” kata Jason Tai yang turut hadir bersama perunding projek CB Richard Ellis (Malaysia) Sdn. Bhd., Allan Soo dan Christopher Boyd.

# Jelajah Bersih rapatkan MPSP, komuniti SPU

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TELOK AIR TAWAR** – Kira-kira 200 orang menyertai program Kayuhan Rakyat Dan Jelajah Bersih Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejauh 38.7 kilometer merentasi jalan sekitar Kepala Batas ke Jalan Butterworth, Jalan Kubang Menerong, Jalan Gelugor, Jalan Pokok Sena sebelum kembali ke garisan penamat di Pantai Robina, di sini.

Ahli Majlis bagi MPSP, Amir Md. Ghazali berkata, inisiatif beberapa Ahli Majlisnya menganjurkan program itu diharap dapat mendekatkan MPSP dengan warga Seberang Perai Utara (SPU).

“Dengan inisiatif tersebut, terbukti bahawa ahli-ahli majlis komited untuk mendekatkan MPSP dengan seluruh penduduk Seberang Perai (Utara).

“(Melalui inisiatif) merakyatkan agenda bersih dan sihat, MPSP berharap dapat menyelami dan menyelesaikan

masalah penduduk dengan aktiviti turun padang ini,” kata Amir baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyempurnakan upacara pelepasan program itu, seawal jam 8.00 pagi dan selesai sekitar jam 12.00 tengah hari.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal), Ong Chin Wen (Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tengah) dan Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua MPSP) turut hadir pada majlis tersebut.

Serentak dengan program kayuhan rakyat tersebut, Amir berkata, pihaknya turut menganjurkan pelbagai acara seperti gubahan dari barang terpakai, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, sukaneka, pameran informasi MPSP, gotong-royong, cabutan bertuah



**AFIF Bahardin (empat dari kanan) dan Maimunah Mohd. Sharif (tiga dari kanan)** menyempurna majlis pelepasan Kayuhan Rakyat dan Jelajah Bersih MPSP di sini baru-baru ini.

dan kenduri rakyat.

Sementara itu, Maimunah melahirkan penghargaan atas inisiatif beberapa Ahli Majlis MPSP menganjurkan program tersebut.

“Walaupun MPSP sudah lama ditubuhkan, ini merupakan program (seumpama ini) yang pertama kali diadakan di Seberang Perai.

“Inisiatif yang diambil oleh ahli-ahli majlis ini wajar dipuji kerana dapat bekerjasama bagi menjayakan program

mendekati rakyat ini,” katanya.

Tambah Maimunah, MPSP kini sedang mempertimbangkan untuk menjadikan acara tersebut sebagai program tahunan pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut.

“Program seperti ini harus diteruskan secara berkala bagi mendekati orang ramai untuk memberikan informasi dan kesedaran agenda bersih dan sihat, di samping, merapatkan MPSP dengan komuniti setempat,” ujarnya.

## Exco harap akuakultur negeri penuhi permintaan global

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN** - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap sektor akuakultur negeri mampu memenuhi permintaan makanan laut global.

Beliau berkata demikian dalam majlis Dialog Pertama Penternakan Ikan Akuakultur anjuran World Wildlife Fund Malaysia (WWF) selama dua hari yang membabitkan delegasi tempatan dan luar negara.

“Kerajaan Negeri percaya sektor akuakultur dapat memenuhi permintaan makanan laut global yang kian meningkat tanpa menjelaskan alam sekitar.” ucap Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Menurut Dr. Afif, sektor akuakultur kian berkembang jika dilihat pada kepelbagaiannya penternakan ikan air tawar dan paya kolam serta



**AFIF Bahardin (depan, tengah)** bergambar bersama rakan Dialong Pertama Penternakan Ikan Akuakultur dekat sini baru-baru ini.

marinkultur sangkar di negeri ini.

Industri penternakan ikan sangkar umpsamanya, beliau berkata, sebanyak 6,655 tan metrik ikan bernilai hampir RM136 juta pada tahun 2010 berjaya dijana, berbanding tahun 2006.

Sebelum itu, Ketua Program Marin WWF Malaysia, Carol Phua turut berucap pada persidangan tersebut.

“WWF telah menjemput bersama pelbagai pihak berkepentingan bagi membincangkan isu ini termasuklah pengusaha ikan akuakultur, ahli-ahli

pemasaran, para penyelidik dan pegawai-pegawai kerajaan serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi membincangkan dan bersetuju dengan kesan serta cadangan kepada industri penternakan tersebut” ujar Carol Phua.

Beliau berkata, dialog tersebut diharap dapat memangkin semua pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan amalan terbaik bagi “spesis ternak”.

“Kesan sampingan ke atas hidupan

ikan ternak dan khususnya alam sekitar (marin) telah memerlukan kita untuk melihat lebih mendalam pada langkah-langkah yang dapat membantu bagi menangani rekor yang kurang memuaskan yang direkodkan industri ini,” ujarnya.

Justeru, katanya lagi, Pulau Pinang mampu menggunakan satu piawaian operasi yang digarisiskan oleh pihak berwajib bagi melaksanakan sistem pengurusan penternakan ikan akuakultur menjelang tahun 2015 nanti.

# Camera Museum pertama negara di George Town

Oleh: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** - Pembukaan Camera Museum dekat Lebuh Muntri di sini diharap dapat menarik lebih ramai pelancong, khususnya peminat bidang fotografi ke Tapak Warisan Dunia George Town UNESCO.

Pengarah Camera Museum, Najieb Ariff Nazir Ariff berkata, muzium seumpama itu adalah pertama diwujudkan di tanah air ini.

Justeru, beliau berkata, pengunjung Camera Museum berpeluang menikmati kekayaan sejarah kamera yang boleh dikesan kembali sejak abad ke-19, dengan sebahagian daripada koleksi kamera antik di muzium tersebut diperoleh dari serata dunia, termasuk Jepun, Rusia, Cina dan Amerika Syarikat.

Selain itu, katanya lagi, pengunjung turut berpeluang mengendalikan kamera antik yang sebenar serta menghayati sejarah penerajuhan kamera melalui empat bilik khas, iaitu Obscura Room, Unique Collection

Room, Dark Room dan Pinhole Room.

"Saya berpendapat bahawa pembukaan Camera Museum akan menjadi aset tarikan pelancongan yang bagus.

"(Ini) kerana, ia adalah yang pertama berdedikasi untuk menceritakan sejarah ciptaan kamera serta mempunyai pameran interaktif yang pertama di Malaysia", kata Najieb di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian pembukaan Camera Museum disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, kamera bukan sekadar alat menangkap gambar, tetapi, sebagai peralatan itu adalah salah satu mekanisme menyebarkan idea, emosi dan kreativiti satu-satu pihak.

Justeru, katanya lagi, Camera Museum mampu berperanan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

"Inisiatif sekumpulan usahawan muda

untuk membuka dan mengendalikan muzium ini dalam memperkenalkan keindahan George Town juga haruslah dipuji.

"Saya berasa bangga, Camera Museum ini menjadi satu lagi tambahan tarikan unik negeri kita," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Difahamkan, Camera Museum ditubuhkan antara lain demi memperkayakan bidang fotografi tempatan dan antarabangsa di negeri ini.

Lebih 300 buah kamera unik dan entik dipamerkan di dalam Camera Museum yang berkeluasan lantai 31,500 kaki persegi itu.

Pengendali Camera Museum tersebut, difahamkan, menganjurkan pameran, acara-acara, ceramah dan bengkel bagi merangsang penukar kesenian,



KOLAJ sekitar majlis perasmian pembukaan Camera Museum di Lebuh Muntri di sini baru-baru ini.

kebudayaan dan kreativiti dalam kalangan pengunjung yang hadir.

Camera Museum tersebut menerima kira-kira 10,000 pelancong sejak prospek pelancongan itu dibuka pada Jun tahun lepas.

Camera Museum itu dibuka tiap-tiap hari, bermula jam 9.30 pagi hingga 6.30 petang, dan hubungi Venus Khor melalui emel, venus@penangcameramuseum.com untuk pertanyaan lanjut.

## Negeri tapak hospital pakar kosmetik utara Semenanjung

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Hasrat Kerajaan Negeri untuk muncul sebagai sebuah negeri pelancongan perubatan kini semakin ketara apabila sebuah lagi hospital perubatan pakar, *Carl Corrynton Medical Centre* (CCMC) dibuka di sini baru-baru ini.

Hospital memfokuskan khidmat pakar kosmetik tersebut merupakan pusat perubatan pertama di utara Semenanjung yang menawarkan perkhidmatan seperti pembedahan plastik, perubatan dalam sukan dan bidang kesihatan yang lain.

Menurut Pengarah Urusan CCMC, Dr. Tan Kah Keong, beliau yakin CCMC bukan sahaja akan menerajui bidang perubatan kosmetik di utara Semenanjung Malaysia, bahkan bakal terkenal ke seluruh negara jiran.

"Saya percaya dengan promosi dan kualiti ditawarkan, tidak mustahil CCMC akan menjadi destinasi pilihan kepada rakyat-rakyat dari Thailand, Singapura dan Indonesia," ujarnya pada perasmian CCMC di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, dengan bangunan yang tersedia, pihaknya telah menambah peralatan terkini dan dilengkapi teknologi baru bagi membawa transformasi baru kepada para pelanggan.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang



**CHOW Kon Yeow (kanan sekali)** menyampaikan hamper kepada salah seorang pesakit pada Majlis Perasmian CCMC di sini baru-baru ini.

hadir merasmikan pembukaan CCMC berkata, pembukaan hospital tersebut bakal meningkatkan tahap kesihatan dan perubatan kosmetik di negeri ini.

"Kita tidak lagi perlu terbang ke luar negara untuk mendapatkan rawatan di luar yang sedikit mahal sebaliknya sudah memadai di tempat sendiri.

"Pada masa sama, kita akan menggamit 'orang luar' untuk datang mendapatkan rawatan di sini," jelasnya pada ucaptama di sini.

Kon Yeow difahamkan bahawa kini Pulau Pinang merupakan penyumbang terbesar (60 peratus) kepada industri pelancongan perubatan negara iaitu bersamaan hampir 333,000 orang setahun ataupun 27,000 orang dalam tempoh sebulan (tidak termasuk ahli keluarga).

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

## PWDC anjur ARC Februari depan



(Duduk, dari kiri), ALOYAH Abu Bakar, Cecilia Ng Choon Sim, Chow Kon Yeow, Chong Eng, Patahiyah Ismail dan Maimunah Mohd. Sharif menunjukkan risalah penganjuran ARC di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan United Nation Women bakal menganjurkan persidangan Asian Regional Conference (ARC) pada 24 dan 25 Februari depan.

Pengarah Projek, Aloyah Abu Bakar dalam suatu sidang media di Komtar baru-baru ini menerangkan bahawa penganjuran persidangan tersebut akan melibatkan penglibatan di peringkat antarabangsa terutama golongan wanita yang mendokong projek perintis Bajet Responsif Gender (BRG).

"Persidangan ini adalah yang julung kalinya dianjurkan oleh PWDC dengan melibatkan jentera Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Bertemakan Gender Responsive Budgeting Narratives: Transforming Institutions, Empowering Communities, persidangan ini akan dijalankan selama dua hari di Hotel Bayview George Town, Februari depan," jelasnya di sini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan,

Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng, Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif dan perintis Penita, Dr. Cecilia Ng Choon Sim.

Selain berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan BRG, persidangan terbabit juga bakal menjadi medan terbaik untuk meneliti semula praktikaliti pelaksanaan BRG dalam polisi fiskal dan kesertaan dalam bajet. Malah, ia juga mampu menjelaskan peranan dimainkan stakeholder dan jentera yang terlibat dalam pelaksanaan Projek Perintis BRG.

BRG adalah suatu pendekatan dalam menyediakan dasar dan bajet yang mengambil kira keperluan berbeza oleh kelompok masyarakat berlainan dengan mewujudkan komunikasi dua hala antara kerajaan dan komuniti.

Penyertaan adalah terhad kepada 150 orang terawal sahaja. Untuk penyertaan dan maklumat lanjut, layari laman sesawang "<http://www.grb-pwdc.org.my/>" atau hubungi talian PWDC di 04 - 261 2835 atau 04 - 261 5261.

# Pasar Kemboja unik, ‘syurga’ teknik dalam negeri

Oleh: AINUL WARDAH

**SOHILLI**

Foto: IDZHAM AHMAD

KALI ini, Krew Jalan-jalan Buletin Mutiara berkesempatan melawat Pasar Kampuchea atau lebih dikenali sebagai pasar borong Melayu Kemboja yang terletak di Kampung Permatang Tok Mahat, daerah Sungai Aceh, Nibong Tebal.

Jom ikuti coretan Krew Jalan-jalan menjelajah ke daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

## Bahasa Khmer

Sok sek dai? (apa khabar)... setibanya Krew Jalan-jalan Buletin Mutiara di sini, kami disapa oleh Rahamah Ismail, 39, yang merupakan antara tuan tapak tempat orang Melayu Champa berniaga di sini.

Sungguhpun beliau bukanlah berasal dari Kemboja, namun, beliau turut mempelajari perkataan-perkataan asas bahasa Khmer atau bahasa Kemboja.

Menurutnya, terdapat kira-kira 34 peniaga yang bertapak di atas tanah milik bapanya dan keseluruhan peniaga di pasar borong Melayu Kemboja ini melebihi 100 peniaga.

“Kebanyakkan peniaga di sini fasih berbahasa Khmer walaupun pada kebanyakannya waktu urusan perniagaan dijalankan dalam bahasa Malaysia.

“Mereka semua yang berniaga di sini memperoleh taraf kewarganegaraan Malaysia kerana mereka merupakan generasi ketiga yang menetap di sini,” jelas Rahamah yang turut serta membawa kami



PELBAGAI jenis jeruk sayur-sayuran boleh dibeli pada harga yang murah.



melawat kawasan sekitar.

Cerita Rahamah lagi, meskipun pasar tersebut bukanlah diasaskan oleh masyarakat Melayu Champa, namun suasannya sudah membuat pengunjung berasa seolah-olah melawati Pasar Thmey (*Central Market*) di Kemboja.

## Pasar ‘tiga negeri’

Hanya dibuka pada hari Isnin dan Jumaat sahaja, pasar borong yang terletak hanya kira-kira enam kilometer dari bandar Nibong Tebal, Pulau Pinang, tiga kilometer dari pekan Bandar Baharu, Kedah Darul Aman dan bersempadan dengan Parit



Buntar, Perak Darul Ridzuan ini mula beroperasi seawal jam 7.00 pagi sehingga 1 tengah hari.

“Itulah uniknya pasar borong ini kerana terletak bersempadan antara tiga negeri Utara Semenanjung,” ujar Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Permatang Keling, Norshamsul Baharin Din, 42, yang turut serta dalam lawatan kali ini.

Jika melalui pasar ini, mungkin ada yang beranggapan ia pasar tani yang menjual pelbagai sayuran dan buah-buahan, sedangkan barang teknik yang paling banyak diniagakan di sini.

Mungkin ramai dalam kalangan warga Pulau Pinang sendiri yang tidak menyedari bahawa terdapat



ANTARA kudapan masakan Khmer yang boleh dinikmati pengunjung pasar borong Melayu Kemboja dekat sini.



ANTARA kedai yang menawarkan produk teknik pada harga borong.



sebuah perkampungan yang didiami oleh imigran yang berasal dari Kemboja dekat sini.

Uniknya mengenai perkampungan ini adalah pasar borongnya yang menjadi tarikan penduduk setempat sejak lebih 20 tahun yang lalu.

## Melayu Cham

Suasana jual beli Melayu Champa atau Melayu Cham ini sering kelihatan seperti di negara asal mereka iaitu urus niaga di atas pangkin atau alas di tanah.

Peniaga Melayu Cham akan bertutur dalam bahasa Kemboja apabila sesama meraka dan lazimnya mereka juga fasih berbahasa Melayu.

## Harga boleh tawar, lebih murah

Pengalaman pertama berkunjung ke pasar terbabit cukup mengujakan kerana barang jualannya yang pelbagai ditawarkan pada harga yang murah.

Bukan sahaja barang makanan seperti ikan, daging salai, kuih-muih tradisional Kemboja dan kerabu jeruk dijual dengan harga murah, malah, produk berdasarkan teknik juga murah.

“Di sini bagi kebanyakan pengunjung, terutamanya wanita akan memanggilnya ‘syurga’ teknik.

“Kalau dibandingkan dengan harga di kedai, di sini jauh lebih murah, lebih-lebih lagi jika dibeli secara borong,” jelas Sharifah Abdol Rahman, 61, yang merupakan pemborong pakaian wanita seperti jubah, abaya, blaus dan skirt sejak tahun 1995 lagi.

Selain Sharifah, Ghafar Norziwan, 27, atau lebih dikenali sebagai Gapa juga bersetuju bahawa

harga yang merekatakan jauh lebih murah sehingga 30 peratus dari kedai-kedai biasa.

“Misalnya kain ela di sini dijual dengan harga serendah RM15 sehingga RM40 sepasang.

“Pelbagai pilihan dan jenis kain-kain juga sangat menarik dan mengikut

‘trend,’” ujarnya yang merupakan pemborong kain pasang di pasar ini.

Bagi Teaw Hong Ooi, 34, dari Tanjung Piandang, Perak Darul Ridzuan, sejak 25 tahun yang lalu, dia hanya mengikut ibu dan ayahnya berniaga di sini, tetapi kini, beliau mengambil alih sepehuhy a perniagaan keluarga.

“Bulan puasa selalu memang ramai dan jualan sangat laris terutama permintaan jubah, abaya dan blaus wanita,” ceritanya kepada penulis.

Selain peniaga tempatan, ada dalam kalangan peniaga dan pemborong di sini yang berasal dari Bukit Kayu Hitam, Kedah Darul Aman, Wang Kelian, Perlis, Johor Darul Takzim, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan Darul Khusus dan Pahang Darul Makmur.

“Bagi kami pemborong memang jelajah seluruh Malaysia, kami ikut hari, macam di sini memang tetap dah (sudah) Isnin dan Jumaat, hari lain tempat lain, negeri lain,” kata salah seorang pemborong teleung yang hanya mahu dikenali sebagai ‘Pakcik’.

## Masakan Khmer

Makanan ruji orang Champa ialah nasi. Hampir semua hidangan disertai semangkuk nasi yang lazimnya dimakan bersama aneka jenis kari, sup dan gorengan kilas.

Antara masakan yang boleh didapati di pasar ini adalah *pleah*, iaitu ulam daging lembu bersama *prahok* (pes ikan masin), laksa champa, *nom saum* (pulut berintikan pisang awak), *bancheau* (seperti penkek berintikan daging, taugeh, sengkuang, bawang dan kacang) dan *banchan* (aneka kerabu).

Penulis tertarik dengan sejenis buah yang dikenali sebagai buah *khwat*. Rasa isinya yang agak kelat seperti memelam putik enak dimakan sahaja atau dicambah dengan belacan yang dicampurkan dengan sedikit perahan limau atau air.

Penulis difahamkan buah *khwat* ini merupakan buah tempatan yang dibawa dari Kemboja dan hanya boleh didapati di Pasar Kemboja ini sahaja.

Tidak lengkap kunjungan anda di Nibong Tebal sekiranya anda tidak singgah di pasar borong Melayu Kemboja..!

# Abdul Walid mahu harmonisasi undang-undang sivil, syariah

**MALAYSIA**, termasuk Pulau Pinang dikatakan unik kerana mempunyai sistem dwi perundangan, iaitu sivil dan syariah hingga kerap kali membawa pada konflik perundangan di antara kedua-duanya.

Sebagai contoh, proses mengadili pihak bukan Islam dalam mahkamah syariah.

Bapa Perundangan Malaysia, Allahyarham Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim, Tun Abdul Hamid Mohammad (bekas Ketua Hakim Negara) dan Tan Sri Harun Hashim (bekas Hakim Mahkamah Agung) adalah tokoh penting yang mencadangkan percantuman beberapa bahagian khusus antara mahkamah syariah dan sivil.

Wartawan akhbar **Buletin Mutiara**, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini mengadakan wawancara dengan Ketua Hakim Mahkamah Syarie Pulau Pinang yang baru, Y.A.A. Datuk Abdul Walid Abu Hassan, 50, mengenai hal berbangkit tersebut memandangkan Kerajaan Negeri belakangan ini dilihat giat memartabatkan Islam di negeri ini sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Abdul Walid berkata, perbezaan yang ada pada amalan perundangan Mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah sepatutnya tidak ditajamkan.

Sebaliknya, beliau berkata, undang-undang sivil dan mahkamah itu perlu terus diharmonikan secara beransur-ansur dan cermat.

“Seksyen 302 Kanun Keseksian berkaitan jenayah bunuh umpamanya, semuanya tidak bertentangan dengan Islam, kecuali, dua perkara sahaja yang memerlukan penambahbaikan.

“Satu, bab pengampunan, perlu dimasukkan peranan ahli keluarga. Yang kedua, bab ganti rugi, kuasa perlu diberikan kepada keluarga untuk membenarkan ganti rugi.

“Ertinya, hukum bunuh balas pada Seksyen 302 ini mendekati maksud hukum qisas. Usaha memasukkan peranan ahli keluarga mangsa dalam bab pengampunan pula mendekati konsep diat yang ada dalam syariat Islam.”

“Selagi tidak bertentangan (dengan syariat Islam), maknanya boleh dipakai. Yang bertentangan sahaja perlu diubah sekadar apa yang dimaksudkan bertentangan itu,” ujar beliau di Kompleks Mahkamah Syarie Pulau Pinang dekat George Town.

Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Rosidi Hussain turut menyertai interbiu menarik kali ini.

## Personaliti & Pengalaman

Abdul Walid mempunyai enam cahaya mata hasil perkahwinannya dengan seorang bukerja guru, Shaterah Annujma Ismail, 45.

Abdul Walid pernah menjadi Penolong Pengarah Undang-Undang Syariah di Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) selama dua tahun bermula pada tahun 1989.

Beliau pernah menjadi Kadi Daerah Bukit Mertajam dari tahun 1990 hingga 1995, sebelum dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syarie Butterworth dan Kepala Batas (1996 hingga 1997).

Selepas itu, beliau dilantik sebagai Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang selama lima tahun.

Peranannya dalam mengkaji, meneroka serta mengharmonikan semangat syariah Islamiah dalam kerangka perundangan sivil melayakkan beliau dilantik sebagai Pegawai Penyelidik Kanan kepada Ketua Pengarah atau Ketua Hakim Syarie Malaysia di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dari tahun 2002 hingga 2005.

Beliau dipanggil menyertai Jabatan Peguam Negara dari tahun 2005 hingga 2010 bagi mengetuai Unit Pembangunan Undang-Undang Keluarga Islam dan Sistem Kehakiman Syariah.

Abdul Walid sempat menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2000 hingga 2012, sebelum dilantik ke jawatan sekarang.

## Hamorisasi Undang-Undang

“Undang-undang di Mahkamah Syariah hampir lengkap. Ada orang tanya, mengapa tidak dilaksanakan Hudud. Saya kata, itu antara sebahagian kecil yang tidak dilaksana.

“Ada juga dimomokkan, jika tidak melaksanakan Hudud, ertiinya negara tidak Islam.

“Bagi saya, masih banyak ruang amal Islami yang perlu dilaksanakan seperti yang saya sebut tadi, (iaitu) usaha harmonisasi semangat syariah Islamiah ini dalam perundangan sivil,” ujar beliau.

Penjelasan Abdul Walid itu dilihat mendekati kaedah fiqh yang menyebut, *al-hukmu yaduru ma ‘ala musamma la ‘ala islami* (maksud: kehukuman itu berlegar pada perkara yang diberikan nama, bukannya jenama).

“Proses melaksana syariah Islamiah sepatutnya dilakukan secara beransur-ansur, bersesuaian dengan kondisi atau masa atau tempat ia dilaksanakan.

“Dalam konteks Pulau Pinang, umpamanya, pelaksanaan amar makruf (menyuruh kebaikan) dan nahi mungkar (mencegah kemungkaran) memang sedia dilakukan sendiri oleh sebuah kerajaan (melalui mahkamah, polis dan agensi-agensi kerajaan yang lain).

“Amal Islami yang seperti dakwah Islamiah, pendidikan Islam, kehakiman syariah, memerangi jenayah, kesemuanya boleh dilakukan dalam ruang lingkup undang-undang sivil dan syariah yang sedia ada sekarang.

“Justeru, kita (umat Islam) perlu meneroka dinamika undang-undang sivil dan syariah yang sedia ada, tidak perlu tunggu pun undang-undang Hudud dilaksanakan, baru kita nak mengiktiraf negara ini mengikut Islam.



ABDUL WALID ABU HASSEN.

Justeru, katanya, penerokaan pada tatacara Mahkamah Syariah diperlukan dengan menggabungkan dua proses perbicaraan tersebut, iaitu adversarial dan inquisitorial supaya kehakiman lebih mudah dan cepat.

## Rasionalisasi Syariah

Abdul Walid berkata, hukuman rotan di depan khalayak atau *public caning* telah lama diamalkan di sekolah, hatta boleh diterima sebagai sesuatu yang rasional.

Beliau berkata, khalayak boleh menerima ketetapan Hakim Mahkamah Syeksyen Ampang pada September lepas yang mengarahkan tiga juvana masing-masing disebat dua kali oleh Pegawai Penjara Kajang atas kesalahan melakukan rompakan berkumpulan.

“Sebat juvana ini dilakukan dalam Mahkamah dengan disaksikan oleh waris ketiga-tiga juvana tersebut, bukan sebat untuk jenayah berat sampai luka tubuh...boleh jadi sebat juvana ini macam *public caning* atau mungkin mendekati sebat syariah juga.

“Penerokaan pada tatacara sebat syariah ini akan dilihat rasional macam *public caning* kerana pelaksanaan hukuman depan khalayak itu boleh membuatkan si pesalah malu dan insaf, serta menjadi teladan buat yang lain.

“Sebat syariah ini boleh diusahakan, cuma Hakim (Syariah) sahaja dilihat tidak berani meneroka pelaksanaan ini,” ujar beliau.

Semasa menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, beliau berkata, beliau selalu meneroka proses pelaksanaan sebat syariah, malah, memberiarkan permohonan khalayak untuk melihat sendiri proses sebatan di Penjara Kajang.

## Harapan

Abdul Walid berkata, usaha harmonisasi perundangan sivil dan syariah wajarnya dimainkan secara beransur-ansur oleh semua pihak, bukan sekadar cakap-cakap politik sahaja.

“Harmonisasi dua perundangan ini juga merupakan antara amal Islami yang perlu diteroka, seligimana tidak bertentangan dengan undang-undang yang sedia ada.

Itu, katanya, termasuk cadangan mewujudkan Mahkamah Tengah dan Majlis Rayuan Syariah dengan Hakim Syarie dilantik sendiri oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong.

“Di antara Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi, kita wujudkan Mahkamah Tengah Syariah, kita juga mewujudkan Majlis Rayuan Syariah supaya pada setiap peringkat ini masih ada peluang untuk proses rayuan dibuat.

“Ini pun antara usaha yang sedang dilakukan supaya peranan Mahkamah Syariah lebih besar dan kuat, ini pun satu lagi usaha harmonisasi perundangan dalam Mahkamah Syariah sendiri,” ujar beliau.

# Sistem parkir baharu kuatkuasa 1 Jan. 2014

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Tarikh pelaksanaan Sistem Letak Kereta Baharu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ditangguh ke 1 Januari 2014.

Perkara tersebut dinyatakan dalam siaran akbar yang dikeluarkan Bahagian Perhubungan Awam MPPP di sini baru-baru ini.

Terdahulu, pada majlis pelancarannya, sistem terbabit diumum dilaksana pada 5 November ini.

Bagaimanapun, siaran tersebut menyatakan bahawa keputusan terbaru tersebut diambil bagi memberi ruang dan masa kepada orang ramai supaya lebih bersedia ke atas perubahan berkenaan.

“Di samping itu, pihak Majlis juga ingin memastikan penjualan kupon yang

bersifat mesra rakyat dan mudah diperoleh selaras dengan publisiti serta persediaan kepada sistem baru yang bakal dipergiat dan diperkemaskan.

“Malah, penangguhan tersebut juga dijangka dapat mengelakkan kekeliruan orang ramai terutamanya pengunjung dari luar Pulau Pinang pada cuti persekolahan kelak,” katanya di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulistas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dalam ucaptamanya pada Majlis Pelancaran Sistem Letak Kereta Baru di Dewan Perbandaran menyatakan bahawa MPPP kini menguruskan 11,000 petak parkir dan pada masa sama terpaksa menangani peningkatan 70,000 kenderaan sehari pada waktu puncak di sini.

Kenderaan di sini semakin meningkat dan apabila masalah kesesakan jalan raya



CHOW Kon Yeow (depan, kanan sekali) memerhatikan Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail (tiga dari kanan) menggores kupon Sistem Letak Kereta Baharu pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

berlaku, pihak berkuasa tempatan (PBT) harus mengatasi masalah terbabit dalam jangka masa pendek dan sistem letak kereta yang lama menimbulkan masalah ekoran kekurangan tempat parkir sesuai,” jelas beliau.

Kon Yeow memberitahu, berkemungkinan sesetengah parkir di bahu jalan perlu dikaji semula kerana tindakan tersebut menyebabkan kesesakan teruk.

Jelasnya, melalui sistem baru, pengguna boleh mendapatkan kupon-kupon daripada

wakil-wakil kedai terpilih berhampiran parkir dan dibeli mengikut jangka masa pengguna yang ingin meletakkan kenderaan masing-masing.

“Manakala, bagi sistem prabayar, pengguna perlu membeli alatan atau gajet khas dan butir-butir pemilik akan didaftarkan bagi tindakan susulan sekiranya perlu.

“Ia merupakan sistem pertama digunakan PBT dalam negara,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

## Palm Villas sertai program Sisa Sifar MPSP



PHEE Boon Poh (empat dari kiri) merasmikan Program Sisa Sifar MPSP sambil diperhatikan komuniti Palm Villas dekat Butterworth baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUTTERWORTH** - Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berharap penyertaan penduduk *Palm Villas* dalam Program Sisa Sifar kendalian Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini dapat menyumbang pada usaha mengurangkan hasil sisa pepejal sebagaimana disasarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

“Dengan pengurangan penjanaan sisa pepejal ini, penduduk dapat menjimatkan peruntukan pengurusan sisa pepejal yang semakin meningkat setiap tahun yang perlu ditanggung oleh MPSP.

“Sekurang-kurangnya, dengan penjimatannya ini MPSP dapat menyalurkan semula melalui kerja pembersihan dan pembangunan untuk komuniti,” ujar Boon Poh

yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu.

Wakil Osaka Plastics Sdn. Bhd. dan Guppy Industries Sdn. Bhd. turut hadir pada majlis tersebut.

Boon Poh berkata, partisipasi komuniti dalam program MPSP itu sekaligus dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau di kawasan perumahan masing-masing.

Dalam perkembangan sama, Boon Poh turut mengagihkan bekas plastik sumbangan Osaka Plastics Sdn. Bhd. kepada penduduk setempat untuk mengasingkan sisa buangan basah.

Terdahulu, Guppy Industries Sdn. Bhd. turut mengambil inisiatif serupa demi mengurangkan penjanaan sisa pepejal dari hasil industri kilang tersebut.

Sisa sifar merupakan satu program mengasingkan sisa basah untuk dijadikan kompos dan biogas selain kitar semula sisa sisa pepejal.

## Bajet 2014 MPPP tumpu keselesaan rakyat

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN** – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) memperuntukan RM97.3 juta atau 23.18 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai perbelanjaan Bajet 2014 projek menaiktaraf bagi tujuan pembangunan di sini.

Yang di-Pertua (YDP) MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail ketika membentangkan Bajet 2014 MPPP pada Mesyuarat Khas Majlis di sini berkata, perbelanjaan tersebut adalah meliputi projek menaiktaraf pasar-pasar awam termasuk kemudahan sedia ada, kompleks makanan, tapak penjaja, mengecat semula rumah pangsa, menaiktaraf lif, penyediaan kemudahan golongan kurang upaya (OKU) dan lain-lain.

“Perancangan tersebut adalah meliputi peruntukan sebanyak RM4 juta bagi membina pasar awam di kawasan Batu Ferringgi dan RM3.21 juta bagi proses pegambilalihan tanah serta pembinaan pasar di kawasan Teluk Kumbar

“Turut tersenarai adalah penambahbaikan kemudahan awam membabitkan enam pasar awam, kompleks makanan (3) dan tapak penjaja (4). Malah, platform menunggu bas di Terminal bas Sungai Nibong juga akan dinaiktaraf.

“Begitu juga dengan penaiktarafan Stadium Bandaraya; tambahan kolam rekreasi, tandas awam serta tempat persalinan di Taman Metropolitan; menaiktaraf kemudahan di dua balai rakyat milik Majlis dan lain-lain,” katanya baru-baru ini.

Menurut Patahiyah, pada aspek perkhidmatan perbandaran dan kesihatan, sebanyak RM40.16 juta diperuntukan termasuk bagi tujuan perbelanjaan pengurusan sisa pepejal, pembelian 22 unit



AR. PATAHIYAH Ismail (kanan) menunjukkan buku bacaan Bajet 2014 semasa Mesyuarat Khas Majlis di sini baru-baru ini.

kenderaan kutipan sampah, pelaksanaan projek serta program pengasingan sisa komuniti, kempen tandas bersih dan sebagainya.

“Sebanyak RM5.06 juta pula diperuntukan bagi memperkasakan pengurusan lalulintas dan kemudahan awam di sini (bahagian pulau) seperti penyelenggaraan tempat letak kereta, pondok perhentian bas, lampu isyarat, papan tanda serta garisan lalulintas.

“Dalam usaha mengurangkan kadar jenayah, Majlis memperuntukkan RM500,000 bagi pemasangan 50 unit kamera litar tertutup (CCTV),” jelasnya.

Dalam pada itu, Patahiyah memberitahu, anggaran Hasil Cukai dianggar meningkat sebanyak RM5.36 juta berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM169.47 juta manakala anggaran Hasil Bukan Cukai adalah RM148.9 juta dan anggaran Terimaan Bukan Hasil, RM21.25 juta.

# KM anugerah pangkat 273 PPS

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menganugerahkan tiga jenis pangkat kepada 273 ahli Pasukan Peronda Sukarela (PPS) dari seluruh kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di sini baru-baru ini.

“Sebanyak tiga jenis pangkat disampaikan, iaitu Ketua Pasukan yang menerima tiga paku, Timbalan Ketua Pasukan yang menerima dua paku dan Naib Ketua Pasukan yang akan menerima satu paku.

“Ketua Pasukan telah ditetapkan dan dipersetujui oleh ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) semasa awal penubuhan satu-satu pasukan.

“Manakala, jawatan timbalan dan naib diputuskan melalui mesyuarat yang

dipengerusikan oleh ADUN dan ahli-ahli jawatankuasa terdiri daripada Ketua Pasukan di bawah DUN (Dewan Undangan Negeri) masing-masing,” ujar beliau pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Pengurus PPS, Phee Boon Poh, Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti) dan Datuk Mohd. Salleh Man (ADUN Permatang Pasir).

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut melahirkan penghargaan kepada Boon Poh atas kejayaan mewujudkan PPS di semua KADUN sejak tahun 2011.

Difahamkan, tujuan PPS ditubuhkan demi membantu mengurangkan kadar jenayah yang semakin meningkat, melalui rondaan penduduk tempatan serta mewujudkan persekitaran kejiranan yang



SEMUA anggota PPS yang menerima pangkat pelbagai jenis bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan Mohd. Salleh Man (berkopiah putih) pada majlis di sini baru-baru ini.

ceria, selamat dan bersatu padu.

PPS juga berperanan menyumbang tenaga dan masa bagi menjayakan satu-satu program rasmi Kerajaan Negeri.

Sehingga kini, direkodkan, PPS mempunyai 256 pasukan merangkumi 7,702 anggota dari semua KADUN.

96 pasukan PPS ditubuhkan di peringkat Daerah Timur Laut, Barat Daya (27), Seberang Perai Utara (64), Seberang Perai Tengah (43) dan Seberang Perai Selatan (26).

“Kerajaan Negeri pada tahun ini adalah (berusaha) mencapai sasaran 10,000 ahli PPS,” ujar Guan Eng.

## KM umum naik taraf kompleks Tanjung Bungah RM1.5 juta

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TANJUNG BUNGAH** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kerja-kerja menaiktaraf Kompleks Pasar dan Makanan Tanjung Bungah yang dijangka siap pada 31 Ogos tahun depan menelan belanja kira-kira RM1.5 juta.


“Syabas kepada pihak Majlis (Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) yang mengambil inisiatif dan komitmen untuk menaiktaraf kompleks ini dalam membangunkan industri hiliran di kawasan Tanjung Bungah,” ujar Guan Eng di sini baru-baru ini.

Hadir bersama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah Teh Yee Cheu, Cheah Kah Peng (ADUN Kebun Bunga).

**LAKARAN** cadangan kerja-kerja menaiktaraf Kompleks Pasar dan Makanan Tanjung Bungah.

Lee Chun Kit, Mohd. Foaz Abdul Hamid, Muhammad Sabri Md. Osman, Abdul Halim Salleh dan D.S. Harvindar Singh antara Ahli Majlis bagi MPPP yang turut hadir pada majlis tersebut.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih berkata, kerja-kerja menaiktaraf kompleks tersebut diharap memberi keseleraan kepada warga setempat, ke arah merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau,



KETUA Menteri menyempurnakan Majlis Pelancaran Projek Menaiktaraf Kompleks Pasar dan Makanan Tanjung Bungah sambil diperhati pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri lain di sini baru-baru ini.

Selamat dan Sihat.

Difahamkan, pasar tersebut dibina pada tahun 1993 dan tidak pernah dinaiktaraf selama 20 tahun.

Kini, kompleks tersebut akan menyediakan 56 gerai makanan dan 60 lot gerai pasar, lengkap dengan kemudahan lain yang mesra alam sekitar.

“Kerja-kerja menaiktaraf terbahagi kepada empat fasa

dan merangkumi kerja-kerja menggantikan kemasan bumbung sedia ada, menggantikan gutter dan rain water down pipes bagi menyelesaikan masalah kekaratan, kemasan siling, lantai baharu, pendawaian semula serta menyusun semula kedudukan meja dan kerusi di kompleks makanan,” ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.



# Akademi Bola Sepak Junior buru bintang sukan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG** – Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail menubuhkan Akademi Bola Sepak Junior bagi memburu bintang sukan buru untuk dikenangkan.

Beliau berkata, inisiatif itu demi melahirkan komuniti sihat selari dengan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat yang diperkenal oleh Kerajaan Negeri.

“Akademi Bola Sepak merupakan inisiatif perintis bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kongsi dan

Kelab Rekreasi Kongsi.

“Kita mahu menghidupkan kegemilangan arena bola sepak negara khususnya dan kanak-kanak yang hadir semuanya berpotensi, yang penting kita perlu gilap dari awal lagi,” kata Tuah dekat Padang Awam Kongsi di sini baru-baru ini.

Penyertaan hanya dibuka kepada kanak-kanak berusia antara 10 hingga 15 tahun.

Info lanjut, hubungi Tuah menerusi telefon 019-570 9500 atau emel [tuahismail@yahoo.com](mailto:tuahismail@yahoo.com).

**MOHD. TUAH** (barisan belakang, sembilan dari kiri) bersama sebahagian bakat-bakat cilik sukan yang hadir pada Majlis Pelancaran Akademi Bola Sepak baru-baru ini.



## Hujan tidak luntur semangat gotong-royong

**PERAI** – Seramai 136 penduduk setempat Taman Perai di sini menjayakan Majlis Gotong-royong Perai anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Chai Leng baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. P. Ramasamy berkata, walaupun hujan renyai-renyai, namun semangat gotong-royong komuniti setempat tidak luntur.

“Ini jelas menunjukkan kesatuan penghuni di sini yang bukan sahaja melibatkan warga tempatan, malah warga asing juga.

“Syabas kepada pengajur dan semua pihak

yang menjayakan gotong-royong fasa satu ini,” ucapnya di sini baru-baru ini.

Ramasamy yang juga merupakan Timbalan Ketua Menteri II turut menggesa JKKK lain untuk mencontohi semangat khidmat cemerlang JKKK Taman Chai Leng yang sentiasa padat dengan aktiviti kemasyarakatan.

Antara yang terlibat menjayakan gotong-royong tersebut, Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), David P. Marshel, MPSP, Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Tengah, Pasukan Peronda Sukarela (PPS) dan Persatuan Penduduk Taman Chai Leng.



SEBAHAGIAN jawatankuasa pengajur merakam gambar kenangan pada Majlis Gotong-royong Perai di sini baru-baru ini.

## Gotong-royong cegah aedes Flat Hamna

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

### SUNGAI DUA

– Sebagai pencegahan penularan kes demam Denggi di sekitar Flat Hamna, Sungai Dua di sini, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) terbabit mengambil inisiatif khas menganjurkan Majlis Membasmi Wabak Denggi dan Kem Kesihatan baru-baru ini.

Selain membersihkan longkang-longkang, tumpuan utama adalah mengenalpasti lokasi-lokasi air bertakung.

Majlis disertai kira-kira 50 penduduk sekitar turut dihadiri Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan.

Menurut Afif, majlis tersebut dijalankan atas inisiatif pihak pengajur dalam membersihkan kawasan serta membasmikan pembiakan nyamuk aedes di kawasan terbabit.



SALAH seorang penduduk membuat pemeriksaan kesihatan di Majlis Membasmi Wabak Denggi dan Kem Kesihatan di sini baru-baru ini.

“Denggi ini sememangnya bahaya kerana dengan satu sudu air bertakung, nyamuk aedes mampu membiak.

“Komuniti di kawasan ini sewajarnya tidak harus melepas tangan berhubung isu ini, kebersihan menjadi tanggungjawab bersama dan bukan terletak di bahu Kerajaan Negeri semata-mata,” katanya pada ucaptama Majlis Membasmi Wabak Denggi dan Kem Kesihatan di sini baru-baru ini.

Turut diadakan, pameran informasi aedes serta pemeriksaan kesihatan dan darah secara percuma.

Dalam pada itu, Jayabalan menyifatkan program sebegini harus diteruskan kerana ia dapat mendidik penduduk ke arah kebersihan dan sekaligus mencegah pembiakan nyamuk aedes.

# ADUN saran JPS segera tindak elak banjir berulang

Oleh: **AHMAD ADIL MOHAMAD**

## **SEBERANG JAYA** -

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pihak berwajib lain disarankan mempercepat pelaksanaan pelan mendalamkan sistem saliran serta sungai di kawasan-kawasan kediaman yang dikenal pasti kerap berlaku banjir supaya bencana itu tidak lagi berulang kelak.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata demikian selepas turun padang melihat sendiri kawasan-kawasan di sekitar Seberang Perai Tengah (SPT) yang dilanda banjir baru-baru ini.

Beliau berkata, sistem saliran yang tidak sempurna merupakan antara punca berlakunya banjir, selain faktor hujan lebat yang berpanjangan.

“Ia (banjir) melibatkan Permatang Rawa, Mengkuang Semarak,

Mengkuang Titi, Padang Lalang, Jalan Baru dan Kampung Besar, serta membabitkan lebih dari 344 buah rumah.

“Air mula naik dari jam 2.00 pagi dan hasil tinjauan mendapati ada juga rumah yang ditenggelami air sehingga paras paha,” ujar Dr. Afif selepas melawat rumah mangsa banjir dekat Kampung Permatang Rawa.

Turut serta, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Abdul Jalil Che Ros.

Dr. Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan berkata, pihaknya akan berbincang dengan JPS bagi menangani masalah malar segar tersebut.

“Kita akan terus memantau kawasan sekitar dan menyarankan JPS untuk mendalamkan sistem saliran supaya masalah ini dapat diselesaikan dan tidak berulang setiap kali musim hujan tiba,” ujar beliau.

**AFIF Bahardin (kiri)** menyampaikan bantuan kepada salah seorang mangsa bencana banjir di Permatang Rawa baru-baru ini.



KEADAAN banjir di Permatang Rawa di sini.

## Sambut baik maklum balas tambah baik DUN

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menyambut baik pelawaan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) yang meminta semua ADUN di sini memberikan pendapat dalam menambahbaik peraturan sistem DUN yang wujud kini.

Pelawaan tersebut diutuskan melalui sepucuk surat kepada semua 40 ADUN negeri Pulau Pinang bagi mengemukakan idea-idea masing-masing dalam tempoh dua minggu.

Hon Wai dalam pada itu berpendapat inisiatif tersebut merupakan satu tindakan yang bagus dalam menjadikan DUN lebih akauntabel dan terbuka.

“Ini adalah merupakan kali pertama semua ADUN diminta berbuat demikian dan sebagai ADUN saya akan cuba melakukan yang terbaik dengan membuat beberapa rujukan buku-buku peraturan

DUN.

“Antara yang bakal menjadi rujukan saya adalah buku peraturan DUN Pulau Pinang sendiri, DUN Selangor, United Kingdom dan Parlimen Malaysia,” katanya ketika menyertai Program Gotong-royong di Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

Program sebagai langkah pencegahan ancaman deggi tersebut diadakan bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha yang turut disertai Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Hon Wai memberitahu, sepanjang tempoh pemeritan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR), banyak perubahan telah dilakukan di DUN antaranya ialah siaran langsung yang dapat diikuti di lobi dewan.

“Yang terbaru adalah ADUN-ADUN pebangkang turut diberikan peruntukan sebanyak RM40,000 bagi kebajikan rakyat di kawasan masing-masing,” jelasnya.



SEBAHAGIAN penduduk sedang menyediakan juadah korban pada Program Gotong-royong di Kampung Melayu di sini baru-baru ini.



# Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat & Selamat